

BAB KETIGA

JIHAD DI JALAN ALLAH (FĪ SABĀLLIḤAH) DAN HUBUNGANNYA DENGAN OPERASI BERANI MATI

3.1 Pendahuluan

Penulisan di dalam bab ketiga ini, lebih menjuruskan kepada persoalan definisi jihad secara terperinci dari sudut bahasa dan istilah di kalangan ulama mazhab, definisi jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* dan juga jihad umum serta makna peperangan dari perpektif undang-undang antarabangsa oleh para sarjana Islam, perbezaan jihad dan peperangan dalam konteks dan konsep pelaksanaan, pensyariatan jihad berdasar dalil al-Quran, kedudukan dan kesan terhadap pelaksanaan jihad (*fī sabāllīḥah*) sebagai satu landasan perbahasan antara hubungan jihad dan OBM.

Bab ini juga, turut membincangkan pemakaian dan pelaksanaan siasah syar'iyyah dalam OBM menurut siasah syar'iyyah, pembahagian OBM, definisi darurat dan melalui pelaksanaan (perisai manusia) *al-tatarrus*, hujah dan dalil golongan yang menyokong OBM. Bab ini turut memperkatakan makna dan kenapa istilah syahid digabungkan dengan serangan yang akhirnya ia dilihat sebagai OBM yang terancang samada secara individu atau berkumpulan dan jauh sekali tindakan itu dilabelkan sebagai tindakan pengganas. Bahkan terdapat fatwa yang menjadi sandaran para sarjana di dalam perbahasan bab ini nanti. Seterusnya perbincangan secara terperinci di dalam bab keempat beserta dengan analisis-analisis.

3.2 Definisi jihad dari segi bahasa

Perkataan jihad (جَهَاد) *jihādūn* iaitu *holy war*¹ adalah kata nama (*noun*) yang berasal dari kata akar (جَهَاد) *jahada* rujuk perkataan (جَهَاد) *ijtihada* yang bererti berusaha keras atau bersungguh-sungguh atau dalam bahasa Inggerisnya '*to exert*'.² Dari perkataan *jahada* ini terbahagi kepada beberapa perkataan lain dalam Bahasa Arab iaitu (جَهَاد) *ajhada* membebani lebih dari kekuatannya atau Inggerisnya '*to strain*'; (جَاهَد) *jāhada*: berjuang, berperang atau Inggerisnya '*to struggle*', '*to contend in war*'; dan (جَهَاد) *ijtihada* bekerja bersungguh-sungguh atau Inggerisnya '*to strive*'; '*endeavour*'.³ Dari perkataan (جَاهَد) maka lahirlah kata nama (جَهَاد) *jihād*, sedangkan ia adalah dari perkataan *ijtihada* (جَهَاد); timbulah kata nama (جَهَاد) *ijtihād*.

Al-Zubaydi⁴ menjelaskan jihad itu adalah perperangan menentang musuh⁵ dan al-Rāzī menyatakan bahawa jihad itu adalah mengerah seluruh tenaga di jalan Allah.⁶ Menjelaskan pengertian ini, jihad adalah dari perkataan (الْجَهَاد) *al-jahdu* dengan baris atas iaitu kesukaran. Manakala (الْجَهَاد)

¹ Dr. Rūhī al-Ba'labakī (1993), *al-Mawrid*, Beyrūt: Dār al-'Ilm lī al-Malāyīn, c 5, h. 436.

² *Ibid.*, h 437.

³ *Ibid.*, h 42.

⁴ *Ibid.*, h 49.

⁵ *Ibid.*, h 38.

⁶ Muhamad al-Zubaydī (t.t), *Tāj al-'Arūs*, Kuwayt: Maṭba'ah Ḥukūmah al-Kuwayt, j 7, h. 537.

⁷ Muhamad bin Abi Bakr al-Rāzī (t.t), *Mukhlīṣ al-Sīḥāh*, Beyrūt: Dār al-Fikr, h. 114.

al-juhdu dengan baris hadapan bermaksud usaha dengan kekuatan. Dengan ini, jihad bermakna segala usaha yang sungguh-sungguh dari segi perkataan dan perbuatan dalam situasi yang sukar.

Dalam kamus al-Wasīt⁸ dijelaskan (جَهْدٌ) *jahada*, (مُجَاهِدَةً) *mujāhadatān* dan (إِيمَانٌ) *jihādan*; iaitu memerangi atau membunuhnya iaitu musuh.

Manakala di dalam Ḥāshiyah al-Jamāl ‘alā al-Jalālayn⁹ menjelaskan jihad itu ertinya sabar atau tabah ke atas segala kesusahan dan keperitan. Ia mungkin berlaku dalam suasana peperangan dan mungkin berlaku pada jiwa dan nafsu. Jihad juga merupakan peperangan seseorang muslim terhadap godaan nafsu, jiwa, syaitan, kefasikan, kekufuran dan munafiqin.¹⁰

⁸ Dr. Ibrahim Anis et al (1972), *al-Mu'jam al-Wasīt*, Beyrūt: Dār al-Ḥadīth, bab jahada, c 2, h. 142.

⁹ Muḥammad Abhmad al-Muḥallī Al-Jalāl al-Layn (t.t.), *Ḩāsyiyah al-Jamāl 'alā al-Jalāl al-layn*, T.T.P., T.P., j 3, h. 441.

¹⁰ Dr. 'Abdul al-Karīm Zaydān (1997), *al-Mufassal fī Aḥkāmi al-Mar'ah fi Syari'ah al-Islāmiyyah*, Beyrūt: Dār al-Risālah, j 4, c 2, h. 375.

3.3 Definisi jihad dari segi istilah syarak di kalangan fukaha mazhab empat

Mazhab Ḥanafī

Al-Kāṣāni menjelaskan jihad adalah menggembeleng seluruh usaha dan tenaga berjuang di jalan Allah Ta’ala dari sudut jiwa, harta dan perkataan.¹¹

Ibnu Ḥumām pula mengtakrifkan jihad itu adalah mengerahkan seluruh usaha berjuang di jalan Allah samada secara langsung, bantuan harta benda, pandangan dan seumpamanya.¹²

Mazhab Mālikī

Ibn ‘Arafah menyatakan jihad adalah perjuangan orang Islam terhadap orang kafir yang tiada sebarang ikatan perjanjian untuk memartabatkan agama Allah.¹³ Ibn Ḥarūn menyebut jihad itu adalah memerangi musuh untuk meninggikan agama Islam.¹⁴

¹¹ Lihat Abū Bakr bin Mas’ūd al-Kāṣāni al-Ḥanafī (1986), *Badā’i al-Sonā’i fī Tartīb al-Syārā’i*, T.T.P, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j 9, c 2, h. 4299.

¹² Lihat Muhammad Ibnu ‘Abid al-Dīn (t.t), *Hāsyiah Ibnu ‘Abid al-Dīn*, Mesir: T.P, j 4, h. 121.

¹³ Lihat ‘Ali al-Sa’īdi al-Mālikī (t.t), *Kifāyah al-Tolib al-Rabbāni lī Risālah Ibni Abī Zayd al-Qayrawāni*, Mesir: Maktabah al-Khānijī, j 2, h 2.

¹⁴ Lihat Ḥaṣṭāb Imān Mālik (t.t), *Mawāhib al-Jalīl lī Syarh Mukhtasar Khalīl lī Syeikh al-Khaṭṭāb*, Beyrūt: Dār al-Fikr, j 2, h 347.

Mazhab Syāfi'i

Al-Bājūrī menjelaskan jihad merupakan perjuangan di jalan Allah untuk menegakkan agama.¹⁵

Mazhab Ḥambali

Ibn Qudāmah menyatakan secara umum tanpa meletakkan sebarang pendefinisian yang khusus antara lainnya beliau menyebut jihad adalah menentang musuh yang mengancam¹⁶ atau apabila musuh menyerang maka hendaklah berjihad setelah mendapat arahan pemerintah.¹⁷

Berdasarkan kepada definisi-definisi yang diperkatakan, jelas menunjukkan jihad itu adalah kemuncak sesuatu usaha yang sungguh-sungguh sama ada memerlukan kepada kekuatan tenaga, perkataan dan penulisan bagi menempuh segala kesukaran yang dihadapi. Namun begitu mafhum dari segi bahasa itu masih terlalu umum untuk menggambarkan pengertian jihad yang sebenarnya dari segi istilah syarak.

¹⁵ Lihat 'Alī bin Qāsim al-Bājūrī (t.t), *Hasyiah al-Bājūrī 'alā Ibn Qāsim*, Mesir: Matba'ah Bolāq, j 2, h. 268.

¹⁶ 'Abdullāh bin Ahmad bin Muhammad Ibn Qudāmah (1972), *al-Mughnī li Ibn Qudāmah*, T.T.P, Dār al-Kitāb al-'Arabi, j 10, h. 375.

¹⁷ *Ibid.*, h. 30-38.

Merujuk kepada pengertian jihad dari sudut bahasa, ia (jihad) itu boleh berlaku dalam perkara jihad ekonomi, jihad pendidikan, jihad industri, jihad pelancongan, jihad terhadap gejala sosial, jihad pertanian, jihad perubatan, jihad membasmi kemiskinan, jihad memerangi maksiat, jihad terhadap virus Aids, jihad melawan nafsu dan godaan syaitan dan semua usaha yang memerlukan usaha gigih serta sungguh-sungguh sama ada positif maupun negatif.

Sebaliknya merujuk kepada pengertian jihad dari sudut istilah oleh ulama mazhab sebentar tadi, ianya tidaklah membawa perbezaan yang ketara bahkan kesimpulannya bahawa jihad menurut istilah syarak diletakkan secara khusus dengan mengaitkan bahawa jihad itu adalah perjuangan atau peperangan memartabatkan agama Allah atau mempertahankan diri dari ancaman golongan kafir atau musuh yang menentang atau menyerang pihak Islam.

Justeru itu, jihad yang selain dari pengertian syarak di atas tidak termasuk di dalam perbincangan ini. Ia bermakna, jihad yang dimaksudkan di dalam bab ini, adalah jihad menentang golongan kafir dari negara Non Islam (*Dar al-Harb*) samada jihad yang mengorban nyawa atau jiwa, harta benda atau lisan dan seumpamanya. Manakala jihad terhadap godaan hawa nafsu, syaitan, kefasikan, kemunafikan, sosial, ekonomi, pendidikan, kemiskinan adalah terkeluar dari pengkajian dan perbahasan disertasi ini. Ini adalah disebabkan persoalan jihad dan hubungannya dengan OBM merupakan sesuatu yang memerlukan pengorbanan jiwa secara khusus dan

ianya amat sukar melainkan berbekalkan keimanan dan ketakwaan yang tinggi di samping rasa kecintaan terhadap Allah dan RasulNya. Justeru itu, jihad *fī sabillāhī* bermakna jihad di jalan Allah lebih menjuruskan kepada pengertian istilah syarak dan ini sekaligus akan dikaitkan dengan pelaksanaan serangan atau OBM dengan mengambilkira pengorbanan dan perjuangan samada secara individu atau berkumpulan dalam konsep jihad.

Malah, OBM jihad secara khusus (akan dibincangkan selepas ini) adalah satu anjakan paradigma yang tertinggi (*the highest*) berbanding daripada jihad umum (*ordinary holy war*). Ini disebabkan OBM yang dilaksanakan sudah pasti lahir daripada kemuncak usaha yang sungguh-sungguh dan keimanan yang kukuh bahkan terpaksa mengorbankan nyawa dan jiwa raga dalam perjuangan. OBM dalam perundungan jihad adalah satu metod jihad yang khusus yang mana pelaksanaannya sudah pasti akan memerlukan tindakan perseorangan atau berkumpulan yang membawa kepada pengorbanan nyawa iaitu “mati secara langsung”.

Manakala pelaksanaan jihad pada umumnya, mungkin mengorbankan nyawa individu-individu pejuang tersebut dan mungkin tidak semasa berlangsungnya sesuatu perperangan. Manakala individu-individu yang terpilih dan rela berkorban setelah mendapat keizinan pemerintah atasan dan memenuhi syarat-syarat yang amat ketat berdasarkan kemaslahatan serta memberi kemenangan kepada tentera Islam atau pembukaan kepada pemerintahan Islam yang baru, maka dia akan

dipertimbangkan. Mereka sudah yakin bahawa pelaksanaannya (OBM) sudah pasti mengorbankan nyawanya.

Justeru itu, hubungan jihad dan OBM adalah suatu yang amat relevan dengan perubahan dan kemodenan yang menggunakan sejuta kemungkinan prasarana dan kecanggihan teknologi sains persenjataan terkini (*sophisticated and the latest intelligence weapons*) di kalangan negara-negara di dunia pada hari ini. Pada dasarnya, syarak tidak membenarkan dalam apa jua keadaan atau apa jua kelonggaran terutamanya perkara yang boleh mengorbankan nyawa orang Islam kecuali ada alasan yang hak dari sudut syarak seperti yang berlaku dalam OBM dan juga perisai manusia (التنفس). Konsep perisai manusia akan dibahaskan secara terperinci dalam bab keempat seterusnya nanti.

Perkara ini adalah bertujuan untuk memelihara maqasid ruh syarak dalam melaksanakan pelaksanaan yang berkaitan dengan kehidupan harian dan segala perancangan strategik mesti mengambil kira perkara *dururiyyāt al-khams* terutamanya dalam hal yang membabitkan nyawa umat Islam. Meskipun, syarak dengan kelebihannya sebagai agama yang penuh dengan kerahmatan¹⁸ namun perkara yang membabitkan jihad dan OBM sebenarnya adalah ke arah penyempurnaan maqasid ruh syarak itu sendiri.

¹⁸ Al-Quran, *al-Ambyā*, (27) : 107.

Ini tidak bermakna jihad dan OBM adalah satu kemestian dalam arus ketemadunan dan kebangkitan Islam bahkan ianya merupakan pilihan terakhir dalam perkembangan jihad Islam. Justeru itu, ada kebenaran dan kewajaran bahawa jihad dan OBM itu adalah dua elemen atau mekanisme yang menjana kekuatan maqasid ruh syarak dalam memasti dan memartabatkan *dakwuriyyah al-khamis* dalam menerusi siasah syar'iyyah bagi sesebuah pemerintahan negara Islam.

3.3.1 Definisi Jihad *Khuṣūṣ Li Al-Khuṣūṣ* dan Jihad Umum

Setiap pelaksanaan OBM (*khuṣūṣ li al-khuṣūṣ*) adalah jihad dan bukan setiap jihad (jihad umum) itu OBM. Bagi menjelaskan lagi pengertian *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* dan jihad umum, maka seharusnya definisi ini dihuraikan dengan lebih lanjut seperti di bawah ini:

Definisi jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* adalah seperti berikut:

Definisi jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* iaitu usaha-usaha yang sungguh-sungguh berjihad di jalan Allah dengan mengorbankan dirinya secara pasti menggunakan senjatanya sendiri, bermaksud dan niat kerana Allah serta mendapat keizinan (akujanji) pemerintah turus tentera.

Ini bermakna mereka yang ingin melakukan jihad bahagian ini semestinya mempunyai beberapa syarat seperti berikut di bawah ini:

1. Beragama Islam: Non muslim tiada kelayakan untuk berjihad kerana bukan ahli ibadat¹⁹.
2. Baligh: Cukup umur atau dewasa.
3. Berakal atau siuman: Tidak gila.
4. Merdeka: Bukan hamba.
5. Orang lelaki dewasa.
6. Berbadan sihat dan tiada cacat yang teruk.
7. Mempunyai belanja yang cukup: Bekalan makanan, senjata seumpamanya.
8. Mendapat keizinan daripada kedua orang tuanya.
9. Orang yang mendapat keizinan dari si piutang, bagi orang yang ber hutang.²⁰
10. Anggota elit atau komando atau gerak khas yang telah

¹⁹ Dalam mazhab Hanafi bagi Non Muslim amal kebaikannya tidak diterima oleh Allah kerana bukan ahli ibadat.

²⁰ Prof. Madya Amat Juhari Moain (1987), *Jihad dan Pengertianya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

mendapat latihan yang cukup dan terlatih serta terpilih tetapi mempunyai hak untuk menarik diri untuk jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* sahaja tetapi tidak ada hak tersebut untuk jihad umum yang melibatkan fardu kifayah²¹ mengikut keadaan semasa dan rundingan dengan pemerintah turus tentera.

11. Pilihan sendiri bukan dipaksa melakukannya.

12. Membuat akujanji bertulis dengan pemerintah turus tentera yang mewakili pemerintah negara kerana ia merupakan soal hidup dan mati secara pasti.

13. Mengikuti kursus-kursus tertentu bukan tangkap muat “*scape goat.*”

14. Bukan tentera *iḥtiyāṭī*²² iaitu dipanggil mengikut keperluan semasa untuk mempertahankan negara dan bukan tentera sepenuh masa.

15. Darurat.

²¹ Maksudnya apabila segelintir melaksanakannya, maka terangkat dosa yang lain seperti solat jenazah.

²² Termanologi ini bermaksud pasukan tentera wataniah atau simpanan.

Definisi jihad umum adalah seperti berikut:

Definisi jihad umum pula iaitu beliau berjuang dengan bersungguh-sungguh di jalan Allah menentang dan membunuh musuh; boleh jadi beliau akan dibunuh oleh musuh atau terbunuh serta bermaksud dan niat kerana Allah semasa misi jihad.

Manakala syarat-syarat jihad umum sama sahaja dengan syarat-syarat jihad *khusūṣ li al-khusūṣ* melainkan pada para kesepuluh hingga ke para ke enam belas. Ini bermakna terdapat enam syarat yang membezakan kedudukan mereka yang menyertai jihad *khusūṣ li al-khusūṣ* dan jihad umum semasa misi jihad berlaku.

Perlu dijelaskan bahawa jihad *khusūṣ li al-khusūṣ* dan jihad umum adalah istilah yang digunakan dan diambil oleh penulis sendiri. Ini bermakna kedua-dua definisi tersebut menjuruskan kepada pengertian jihad dari sudut syarak. Bahkan yang jelasnya jihad *khusūṣ li al-khusūṣ* sahaja yang dikaitkan dengan hubungan jihad *fī sabillillāh* menepati cirri-ciri OBM.

Namun begitu diterangkan juga bahawa *al-jihād al-akbār* iaitu jihad besar bermaksud menentang hawa nafsu dan *al-jihād al-asghār* iaitu jihad kecil bermaksud melawan musuh kafir di medan perang. Ini adalah definisi dan pengertian di kalangan orang *Tasawwuf*.²³

²³ Prof. Madya Amat Juhari Moain (1987), *Jihad dan Pengertiannya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 45.

Perkara ini perlu bagi menangkis sebarang kekeliruan berhubung dengan pengistilahan dan pengertian bagi menjelaskan maksud yang dikehendaki.

3.3.2 Peperangan Dari Sudut Undang-Undang Konvensional Antarabangsa Pada Pandangan Sarjana Islam

Al-Rāfi'i mentakrifkan peperangan adalah penentangan dan pembunuhan.²⁴ Manakala al-Suhaili pula mentakrifkan peperangan itu bermaksud pertempuran dengan menggunakan panah-panah, membaling tombak dan menetak dengan pedang.²⁵

Ahli undang-undang menjelaskan peperangan (*conventional war*) adalah penentangan bersenjata yang berlaku di antara dua negara atau lebih dari segi undang-undang antarabangsa²⁶ dan matlamat dari penentangan itu adalah untuk mempertahankan tanahair bagi negara-negara yang berdekatan.²⁷

²⁴ Ahmad al-Muqrī al-Fayyūmī (t.t), *al-Misbāh al-Munīr*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, jil 1, h. 154.

²⁵ Muhammad al-Zubaydī (t.t), *Tāj al-'Arūs*, Kuwayt: Matba'ah Hukūmah al-Kuwayt, j 2, h. 249.

²⁶ 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih,(1982) *Falsafah al-Jihād fī al-Islām*, Beirut: Maktabah al-Madrasah, h. 37.

²⁷ Dr.'Ārif Abū 'Eid (1990), *al-'Alāqah al-Khārijiyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 101.

Dalam takrif yang lain pula, perperangan itu adalah satu bentuk kebangkitan dengan menggunakan kekuatan senjata di antara negara-negara yang matlamatnya untuk mengguling satu sama lain bagi mencapai sesuatu kepentingan harta benda dan pengaruh²⁸ serta fahaman ideologi di kalangan mereka.

3.3.3 Perbezaan Konsep Jihad Dan Peperangan Konvensional Antarabangsa:

1. Peperangan bersenjata yang menggunakan kekuatan, kekerasan dan keganasan.²⁹
2. Peperangan ini berlaku antara negara yang berdaulat dan bukannya berbentuk ancaman dalaman sebuah negara.
3. Matlamatnya adalah untuk mencapai kepentingan peribadi bagi sesebuah negara yang berperang tersebut.
4. Mengembangkan pengaruh dan ideologi sesebuah negara.

²⁸ Dr. Muhammad Syāfi'i Basyir (t.t), *al-Qanūn al-Dīnawali fī al-Silmi wa al-Harb*, Mesir: al-Ma'rif al-Misriyyah, h. 439.

²⁹ 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fī al-Islām*, Beyrūt: Maktabah al-Madrasah, h. 38.

5. Undang-undang antarabangsa menekankan peperangan yang berperi kemanusiaan yang berpunca dari hasil kekerasan dan keganasan peperangan itu sendiri.³⁰ Maka lahirlah peperangan konvensional.

6. Peperangan tidak dikaitkan dengan ketuhanan atau *ilah* dan *rah* melainkan peperangan antara agama iaitu perang salib (*crusade war*).³¹

Justeru itu, merujuk kepada huraian ringkas tersebut, dirumuskan beberapa perbezaan ketara di antara pengertian jihad dan hubungan OBM dengan peperangan mengikut etika undang-undang antarabangsa.

Maka jihad atau dalam bahasa Inggerisnya (*Holy War*) adalah suatu peperangan yang berteras dan berkonsepkan keadilan.³² Ia dilaksanakan untuk mempertahankan diri dan maruah umat Islam dari golongan musuh kafir,³³ meningkatkan perkembangan agama Islam dan memberi kebebasan

³⁰ Dr. 'Arif Abū 'Eid (1990), *al-'Alāqah al-Khārijiyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 102.

³¹ Petikan asal: "One of several wars during the Middle Ages, in which armies from Europe fought against Turks, Arabs and Egyptians in order to win or hold Palestine". Lihat Dr. Hyacinth Gaudart (1991), Eastview School Dictionary for KBSM, c 2, Kuala Lumpur: Academe Art and Printing Services Sdn. Bhd., h. 98.

³² 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fī al-Islām*, Beyrūt: Maktabah al-Madrāsah, h. 39

³³ Dr. 'Arif Abū 'Eid (1990), *al-'Alāqah al-Khārijiyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām c 2 , h. 102.

kepada manusia sejagat dari penjajahan pengabdian diri sesama manusia³⁴ kepada pengabdian Allah.

Mempertahankan tanahair, maruah dan harta benda serta jauh sekali dari sebarang pencabulan dan kezaliman tanpa hak.³⁵ Di samping itu juga, konsep *ilāh* dan *rāb* di dalam perlaksanaan jihad menguatkan lagi keimanan dan aqidah manusia Islam terhadap Allah. Ini bermakna setiap individu atau pun kumpulan yang terbunuh dalam jihad *fī sabillillāh* adalah syahid kerana jihad tersebut sebagaimana pada pengertian syarak telah disandarkan pengorbanan mereka kepada Allah Ta'ala. Justeru mana-mana tindakan atau serangan tertentu oleh individu-individu secara khusus disandarkan kepada dan kerana Allah sudah pasti menepati pengertian syarak, maka OBM sudah pasti mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan makna syahid.

Berbeza sekali, perang dari perspektif undang-undang yang melihat ia hanya kepada kepentingan yang boleh dimanfaatkan oleh negara dari segi penjajahan terhadap sumber ekonomi,³⁶ ideologi perkauman,³⁷

³⁴ Dr. 'Arif Abū 'Eid (1990), *al-'Alāqah al-Khārijiyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām c 2, h. 102.

³⁵ 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fī al-Islām*, Beyrūt: Maktabah al-Madrasah, h. 38.

³⁶ *Ibid.*, h. 38.

³⁷ *Ibid.*, h. 38.

dasar politik luar negara³⁸ dan tuntutan hawa nafsu sesebuah pemerintahan.³⁹

Justeru itu, perperangan dalam syariat Islam adalah jihad di jalan Allah untuk mengembang dan memartabatkan agamaNya dan tidak harus sekali-kali menjajah semula atau memulakan perperangan atau jihad dan pencabulan sesuatu golongan tanpa hak. Bahkan jihad itu sendiri, sebenarnya mempunyai peraturan yang sungguh baik dan rahmat serta batas-batas tertentu yang digariskan oleh Islam.

Justeru, hubungan jihad dan OBM mempunyai kaitan yang rapat dengan makna dan pengertian yang telah dibahaskan. Bahkan bermulanya sesuatu misi OBM itu bermakna satu misi jihad demi mencapai cita-cita syahid telah bermula pada masa yang sama. Tidak ada perasaan takut dan dukacita⁴⁰ dalam jihad bahkan semua yang melibatkan diri dalam jihad mencintai syahid dan bercita-cita mahu mati kerana Allah telah berjanji membeli jiwa-jiwa orang mukmin yang syahid dengan balasan syurga.⁴¹

³⁸ 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fī al-Islām*, Beyrūt: Maktabah al-Madrasah, h. 38.

³⁹ Dr. 'Ārif Abū 'Eid (1990), *al-'Aīqah al-Khārijiyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 102.

⁴⁰ Al-Quran, *al-Imrān*, (4) : 169-171.

⁴¹ Al-Quran, *al-Taubah* (11) : 111.

Bahkan mereka yang secara langsung melibatkan diri dengan OBM dengan menggunakan kaedah dan metod tertentu sehingga mengorbankan jiwa mereka adalah jihad yang lebih agung (الجهاد الأكبر) atau (ابن الجهد) sebagaimana yang disepakati oleh beberapa cendikiawan muktabar. Ia sudah tentu melalui beberapa syarat yang amat ketat dan keizinan pemerintah.⁴²

Cuma pelaksanaan jihad itu adalah umum dan OBM itu adalah lebih unik dan khusus dari segi konsep dan metodnya. Oleh itu, definisi jihad dan peperangan konvensional hanya terdapat persamaan dari sudut bahasa tetapi dari segi istilah ia adalah jauh berbeza.⁴³

3.4 Pensyariatan dan Kedudukan Jihad *fi sabillāh* Serta Hubungannya Dengan OBM

Jihad *fi sabillāh* merupakan suatu pengorbanan yang memerlukan keimanan dan ketaqwaan yang tinggi oleh para pejuang Islam untuk mencapai keredhaan Allah Ta’ala. Lebih setengah ayat al-Quran al-Madani (ayat yang diturunkan di kota Madinah) memperkatakan tentang jihad dan peperangan. Ini menunjukkan betapa pentingnya jihad dalam erti kata yang sebenarnya mengikut pengertian dari segi bahasa dan istilah syarak terhadap golongan umat Islam. Bahkan Rasulullah s.a.w sendiri telah menyertai jihad

⁴² Abū al-Hasan ‘Alī bin Muhammad al-Habīb al-Māwardī (1985), *al-Abkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Diniyyah*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, c 5, h. 59.

⁴³ ‘Abdul al-Hāfiẓ ‘Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fi al-Islām*, Beyrūt: Maktabah al-Madrásah, h. 40.

peperangan sebanyak dua puluh tujuh kali, manakala baginda mengutus para sahabatNya ke medan jihad peperangan sebanyak empat puluh tujuh kali.⁴⁴

3.4.1 Dalil-Dalil Dari Al-Quran

Ayat-ayat al-Quran banyak memperkatakan jihad atau dalam istilah yang sering seiring dinyatakan di dalam al-Quran secara bersama dengan istilah jihad iaitu “*fi sabillillah*” (في سبيل الله) dan “*al-Qital*” (القتل). Namun begitu, memadai dengan huraian ringkas beberapa ayat daripada al-Quran yang menunjukkan dalil pensyariatan jihad dalam Islam sebagai satu gambaran di mana hubungan jihad dan OBM dalam Islam dapat dikaitkan.

Di antara firman Allah Ta’ala adalah :

﴿فَلَيَقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَشْرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالآخِرَةِ وَمَنْ يَتَقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُ أَوْ يَغْلِبْ فَسُوقَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا﴾

Surah al-Nisa' (74) · 5

Ayat ini bermaksud :

“Kerana itu hendaklah orang-orang yang menukar kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat berperang di jalan Allah. Barangsiapa yang beperang di jalan Allah, lalu gugur atau

⁴⁴ Dr. 'Arif Abū 'Eid (1990), *al-'Alāqah al-Khārijiyah fi Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 123.

memperoleh kemenangan maka keluk Kamu akan berikan kepadanya pahala yang besar”.

Terjemahan surah al-Nisâ’ (74) : 5

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَقْتَلُونَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ

الْمُعْتَدِلِينَ

Surah al-Baqarah (190) : 2

Ayat ini bermaksud :

“Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas”.

Terjemahan surah al-Baqarah (190) : 2

إِنَّ الَّذِينَ ظَاهَرُوا مِنَ الظُّلْمَاءِ أَكْفَارٌ

يَرْجُونَ رَحْمَةَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Surah al-Baqarah (218) : 2

Ayat ini bermaksud :

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah”.

Terjemahan surah al-Baqarah (218) : 2

الَّذِينَ ظَاهَرُوا يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا

يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ الظُّلْمَةِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ اللَّهِ مَنِ اتَّهَى إِنَّ

كَيْدَ الشَّيْطَنِ كَانَ ضَعِيفًا

Surah al-Nisâ’ (76) : 5

Ayat ini bermaksud :

“Orang-orang yang beriman mereka berperang di jalan Allah manakala orang-orang kafir mereka berperang di jalan Toghut (kesesatan) oleh sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah”.

Terjemahan surah al-Nisā’ (76) · 5

لَا يَسْتَوِي الْقَعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَئِكَ الظَّرِيرُ وَالْمُجَهِّدُونَ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فَضْلًا لِلَّهِ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ
وَأَنفُسِهِمْ عَلَى الْقَعِدِينَ دَرَجَةٌ وَكُلُّا وَعْدَ اللَّهِ الْحُسْنَى وَنَضْلَالُ اللَّهِ
الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا



Surah al-Nisā’ (95) · 5

Ayat ini bermaksud :

“Tidaklah sama antara mu’mín yang duduk (yang tidak turut berperang) yang tidak mempunyai ucur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya ke atas orang-orang yang duduk satu darjah. Kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad ke atas orang-orang yang duduk dengan pahala yang besar”.

Terjemahan surah al-Nisā’ (51) · 95

يَتَائِهَا الَّذِينَ عَامَنُوا مَن يَرْتَدُ هِنْكُمْ عَنِ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِيَ اللَّهُ بِقَوْمٍ
يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ أَذْلَلُهُ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعْزَزُهُ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجْهِدُونَ
فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتَيْهِ مَن
يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Surah al-Maidah (54) · 6

Ayat ini bermaksud :

“Hai orang-orang yang beriman, barangsiapa di kalangan kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan mereka pun mencintaiNya yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir. Mereka yang berjihad di jalan Allah dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurniaan Allah kepada siapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha Mengetahui”.

Terjemahan surah al-Maidah (54) · 6

إِنَّ الَّذِينَ عَمِلُوا مَا وَهَاجَرُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي
تَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ عَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ وَالَّذِينَ
عَمِلُوا وَلَمْ يُهَاجِرُوا مَا لَكُمْ مِنْ وَلَيْتَهُمْ مِنْ شَيْءٍ حَتَّىٰ يُهَاجِرُوا
وَإِنَّ أَسْتَنْصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلَّا عَلَىٰ قَوْمٍ بَيْتَنَكُمْ
وَبَيْنَهُمْ مِيقَاتٌ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ



Surah al-Anfāl (72) · 10

Ayat ini bermaksud :

“ Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin) mereka itu satu sama lain lindung melindungi dan terhadap orang-orang yang beriman tetapi belum berhijrah maka tidak ada kewajipan sedikitpun ke atasmu melindungi mereka sebelum mereka berhijrah. Akan tetapi jika mereka meminta pertolongan kepadamu dalam (urusan pembelaan) agama, maka kamu wajib memberikan pertolongan kecuali terhadap kaum yang telah ada perjanjian antara kamu dengan mereka. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan”.

Terjemahan surah al-Anfāl (72) · 10

أَنفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجْهُهُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلٍ
اللَّهُ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَذَلَّلُونَ

Surah al-Taubah (41) · 10

Ayat ini bermaksud :

"Berangkatlah kamu baik dalam kaadaan merasa ringan atau merasa berat , dan berjihadlah dengan harta dan dirimu di jalan Allah. Yang demikian adalah baik bagi kamu sekiranya kamu mengetahui".

Terjemahan surah al-Taubah (41) · 10

Berdasarkan kepada beberapa peringatan dari ayat-ayat al-Quran di atas menunjukkan terdapat beberapa surah seperti surah al-Anfāl, dan al-Taubah yang memperkatakan tentang **الجهاد** secara panjang lebar yang mana hampir sebahagian dari isi kandungan surah tersebut. Ini diikuti dalam surah yang lain antaranya al-Baqarah, al-Nisa', al-Ma'idah, al-'Imran dan Muhammad turut memperkatakan **القتال** yang membawa maksud peperangan.

Dr.'Ārif Abū 'Eid menjelaskan di dalam bukunya *al- 'Alāqah al-Khārijīyyah*⁴⁵ yang mana al-Quran menyatakan perihal jihad peperangan seumpama dengan perihal kewajipan zakat, puasa dan lainnya; Manakala dari segi siapakah yang berkewajipan melaksanakannya, bilakah ia dituntut

⁴⁵ Dr.'Ārif Abū 'Eid (1990), *al- 'Alāqah al-Khārijīyyah fī Daulah al-Khilāfah*, Great Britain: Dār al-Arqām, c 2, h. 124.

berjuang di jalan Allah dan balasan mereka yang mati syahid adalah berdasarkan kepada kelebihan seorang mujahid itu sendiri.

Merujuk kepada ayat-ayat al-Quran di atas juga, terdapat unsur kemuliaan jihad peperangan di mana Allah Ta'ala turut menggabungkan namaNya yang Maha Agung lagi Maha Tinggi dengan perkataan (فِي سَبِيلِ اللهِ) yang bermaksud berjuang di jalan Allah.⁴⁶

Dr. Wahbah al-Zuhayli memjelaskan sememangnya wajar kerana kemuliaan jihad peperangan itu, adalah prinsip utama di dalam sesebuah negara Islam⁴⁷ dan ianya akan berterusan sehingga hari kiamat⁴⁸ Beliau menegaskan mana mana golongan Islam yang meninggalkan urusan jihad akan mengalami kehinaan dari Allah, sehingga di dalam kediaman mereka itu sendiri.⁴⁹

⁴⁶ Dr.'Abdul al-Karim Zaydān (1997), *al-Mufaṣṣol fi' Aḥkāmi al-Var'aḥ wa al-Bayti al-Muslim fi' Syari'ah al-Islāmiyyah*, Beyrūt: Dār al-Risalah, c 2, j 4, h. 373.

⁴⁷ Dr.Wahbah al-Zuhayli (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatih*, Beyrūt: Dār al-Fikr, c 2, j 6, h. 414.

⁴⁸ 'Abdul al-Hāfiẓ 'Abd Rabbih (1982), *Falsafah al-Jihād fi' al-Islām*, Beyrūt:Maktabah al-Madrasah, h. 33.

⁴⁹ Dr. Wahbah Al-Zuhayli (1989), *op.cit.*, j 6, h. 414.

Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ أَشْرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ
يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِي التَّورَاةِ
وَالْإِنْجِيلِ وَالْقُرْآنِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبِرُوا وَلَا يَبْغِعُكُمْ
الَّذِي بِأَيْمَانِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Surah al-Taubah (111) : 10

Ayat ini bermaksud :

“Sesungguhnya Allah telah membeli dari orang-orang mukmin, diri dan harta mereka dengan memberikan syurga untuk mereka. Mereka berperang pada jalan Allah; lalu mereka membunuh atau terbunuh. Itu telah menjadi janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al-Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah ? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar”.

Terjemahan surah al-Taubah (111):10

Merujuk kepada beberapa dalil di atas juga, menunjukkan pelaksanaan jihad dan hubungan di antara OBM merupakan suatu tuntutan pengorbanan yang amat tinggi ganjaran di sisi Allah Ta’ala. Justeru itu, kita melihat bahawa pengorbanan dalam jihad yang disebut oleh Allah Ta’ala adalah dalam pelbagai bentuk samada harta benda atau jiwa.

Oleh itu, pengorbanan jihad yang membawa kepada pengorbanan nyawa atau jiwa adalah amat besar ganjaran dari Allah samada ia gugur semasa berjihad umumnya atau jihad yang lebih khusus secara pasti dan yakin bahawa misi jihad dengan menawarkan diri untuk

memilih OBM sebagai satu usaha terakhir yang mana tindakan sedemikian boleh membawa kemenangan kepada Islam. Maka itu adalah jihad yang paling besar (بلغ المجد) di sisi Allah. Bahkan para pejuang Islam, sekali pun mereka turut berganding bahu berjuang namun ianya tidak sama dengan mereka yang berjuang melalui misi jihad OBM.

Begitu juga mereka yang gugur syahid dalam perang Badar tidak sama dari segi keimanan dan ketakwaan dengan tentera Islam selepas itu. Ini disebabkan ia merupakan pembatuan kepada kemuncak keimanan dan ketakwaan serta aqidah para sahabat yang berjuang bersama Rasulullah s.a.w. pada zaman permulaan kebangkitan Islam. Sehinggakan para sahabat yang pernah menyertai perperangan Badar bersama Rasulullah s.a.w mendapat pengiktirafan Rasulullah berbanding para sahabat yang lain yang tidak menyertai perperangan tersebut. Ini sudah menjadi fitrah alam (*vibration of God*) dan syurga juga mempunyai beberapa peringkat dan darjat yang tertentu di sisi Allah Ta’ala.

Sehubungan dengan itu, Allah Ta’ala turut membandingkan bahawa tidak sama orang yang duduk (tidak uzur tetapi tidak turut berperang) dengan mereka yang pergi berperang dengan harta dan jiwa. Mereka tidak gentar, sekalipun dalam keadaan ringan atau berat demi menyahut perdagangan dengan Allah yang membeli jiwa-jiwa mereka dengan balasan syurga.

Justeru, ini menjelaskan bahawa jihad dan OBM mempunyai hubungan rapat dan telus dari segi matlamat. Cuma konsep dan pelaksanaan OBM dilihat ada sedikit perbezaan. Ia merupakan usaha terakhir oleh pemerintah melalui seseorang pejuang atau sekumpulan pejuang Islam elit yang terpilih oleh pemerintah turus tentera untuk melaksanakan amanah yang amat berat sekali iaitu mengorbankan nyawa mereka secara mutlak demi kemaraan dan kebangkitan Islam itu sendiri dalam menentang musuh.

Sehubungan dengan penjelasan di atas, Dr. 'Abd al-Karim Zaydān menegaskan bahawa kesinambungan istilah dan maksud seperti (الجهاد), (ل تكون كلمة الله هي العليا) dan (في سبيل الله) memberi pengertian yang sama dan tinggi darjah kemuliaannya di sisi Allah⁵⁰, bahkan sewajarnya hubungan jihad dan OBM mempunyai kaitan yang rapat dari segi keharusan pelaksanaan yang membawa kepada pengertian jihad *fī sabillāh*. Jika jihad itu bermakna pengorbanan jiwa , maka OBM meletakkan nilai jiwa lebih jauh dari itu.

Pelaksanaan jihad *fī sabillāh* menerusi OBM ini juga boleh dikaitkan dengan beberapa faktor dan kesan penjanaan aqidah Islam dalam membentuk peribadi pejuang berani mati dan mengapa tindakan itu diambil?

⁵⁰ Dr. Wahbah al-Zuhaylī, (1989), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, Beyrūt: Dār al-Fikr, c 2, j 6, h. 414.

3.4.2 Faktor Dan Kesan Aqidah Terhadap Pembentukan Peribadi Pejuang OBM:

- i. Faktor dan kesan aqidah atau kepercayaan kepada Allah Ta'ala merupakan asas utama dalam pembentukan personaliti bagi pejuang muslim.
- ii. Kecintaan kepada Rasulullah s.a.w kerana keimanan tidak sah dan sempurna bagi setiap muslim selagi dia tidak mencintai Rasulullah s.a.w lebih daripada dirinya, harta, anak-anak sehingga kedua ibubapanya sendiri.
- iii. Faktor dan kesan aqidah atau kepercayaan kepada hari Akhirat yang mana merupakan kehidupan abadi dan hakikat kejayaan seseorang muslim terhadap syahadah yang diucapkan mendorong perlaksanaan jihad *fī sabillillāh* atau OBM itu sendiri. Mereka berkeyakinan bahawa mereka hidup dan akan bangkit serta diberi rezeki oleh Allah bukan sekadar di alam akhirat bahkan sejak di dalam alam barzakh lagi.
- iv. Faktor dan kesan aqidah atau kepercayaan kepada *al-Qaḍā* (*ketentuan Allah*), di mana ia akan melenyapkan segala keraguan dan keresahan dan tidak ada ubat untuk merawat penyakit takut mati, tidak mendapat rezeki, kekecewaan dan keraguan melainkan kepercayaan

terhadap ketentuan tuhan ini yang penuh keberkatan sahaja mampu memisahkannya.⁵¹

Justeru itu, berdasarkan kepada faktor dan kesan kciranman serta ketakwaan⁵² yang tinggi sahaja mampu membawa para pejuang Islam mendokong semangat jihad dan OBM di atas muka bumi ini. Inilah noktah perbezaan di mana kesediaan para pejuang Islam menyahut seruan jihad berbanding golongan kafir. Golongan Islam bercita-cita untuk mati syahid. Manakala golongan kafir takut untuk mati bahkan mereka cukup sayang untuk berpisah dengan kehidupan dunia.⁵³

Sehubungan dengan itu juga, pelaksanaan OBM merupakan suatu bentuk misi jihad *fī sabillillāh* yang semasa dan mengikut rentak waktu serta tempat. Mutakhir ini, keadaan amat memerlukan kepada beberapa kaedah OBM memandangkan kecanggihan teknologi persenjataan yang terkini dan kemajuan teknologi maklumat perisikan (*Intelegence Information Technology*) telah melahirkan pelbagai kaedah dan metod jihad dalam Islam. Bahkan dalam keadaan tertentu ia tidak akan mencapai maksud atau perancangan yang telah dirancang melainkan melalui OBM. Sebagaimana yang berlaku di Iraq pada 20 Mac 2003 oleh dua wanita Nour al-Qadoūrī dan Al-Shammārī telah membuktikan bahawa pelaksanaan OBM jelas

⁵¹ Dr. 'Abdul al-Karīm Zaydān (1997), *al-Mufassol fī Akāmi al-Mar'ah wa al-Bayti al-Muslim fi Syar'i'h al-Islāmiyah*, Beyrūt: Dār al-Fikr, c 3, j 4, h. 373 dan 374.

⁵² Al-Quran, *al-Hijrāt*, (26) : 13.

⁵³ Al-Quran, *al-Baqarah*, (1) : 96.

mencatatkan kejayaan yang membanggakan dalam menentang musuhnya yang terdiri Amerika Syarikat dan Britain.

Justeru itu, OBM merupakan laluan yang amat sukar dan merupakan alternatif terakhir dalam peradaban dan perundangan jihad sekalipun syarak mengharuskan penggunaan bom atom (الفتاك), biologi (الجرثومية) dan nuklear (النووية) dalam usaha mempertahan dan menentang musuhnya. Namun semua kaedah ini, termasuk dalam metod dan konsep siapsiaga (*readiness*) semaksima kekuatan yang kamu miliki.⁵⁴

Islam pada dasarnya, sebuah agama yang menyeru kepada "al-*Salām*" iaitu berkonseptan perdamaian. Namun begitu, merujuk kepada senario di zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat di mana terdapat beberapa faktor yang menyebabkan jihad dilancarkan. Islam amat menitik beratkan faktor-faktor ini, demi mengelakkan kehancuran dan model jihad yang membawa kebenaran dan rahmat serta menghapuskan andaian yang batil.

Ini menguatkan lagi hujah kaedah mantiq bahawa setiap OBM adalah jihad dan tidak semua jihad itu adalah proses OBM. Penulis akan memperincikan perbahasan ini dalam bab keempat nanti, di mana OBM adalah martabat yang paling tinggi dalam kerangka sejarah jihad dari sudut siasah syar'iyyah. Bagaimana dinamisme siasah syar'iyyah merawat

⁵⁴ Al-Quran, *Al-Anfāl*, (10) : 60.

persoalan ini dan sejauhmanakah ketelusan hukum pelaksanaan OBM sebagai dan syarat pemakaianya?

Bahkan hubungan jihad dan OBM merupakan suatu kenyataan yang tidak dapat dirungkaikan lagi dalam peradaban dan misi jihad di jalan Allah. Justeru itu, hakikat ini membayangkan bahawa golongan Islam sanggup mengorbankan jiwa raga mereka semata kerana Allah Ta'ala dan agama Islam.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan lepas bahawa konsep pemakaian dan pelaksanaan elemen siasah syar'iyyah merupakan satu mekanisme dalam pemerintahan sesebuah negara yang menekankan maqasid syarak iaitu bagi mencapai kemaslahatan dan menolak keburukan sebagai landasan utama.

Justeru itu, dalam arus kebangkitan dan kekuatan ketumbukan ketenteraan dalam arus alaf perdana hari ini, OBM dilihat mempunyai daya kekuatan dan keunikan tersendiri di kalangan mereka yang berjuang. Manakala serangan dalam bentuk yang seumpama ini juga, dilihat sebagai satu mekanisme dan keazaman serta keyakinan tinggi oleh individu yang atau kumpulan yang mewakili negara Islam yang berada dalam kancang peperang terhadap musuh. Lebih daripada itu, terdapat beberapa faktor yang dapat dikaitkan dengan peroperasian ini, ia adalah selari dengan maqasid ruh syarak yang ditekankan oleh siasah syar'iyyah.

Sekalipun terpaksa mengorbankan jiwa dan harta benda serta kemusnahan yang besar, namun Islam menyeru kepada umatnya agar berkorban lebih daripada itu. Sesungguhnya, Allah Ta'ala membeli jiwa raga umatNya yang syahid dengan balasan syurga. Bahkan dari segi praktikalitinya, peroperasian seumpama ini sekurang-kurangnya dapat merealisasikan beberapa perkara antaranya:

- i. Menepati sasaran strategik dan menggerunkan sanubari pihak musuh. Ini adalah disebabkan pejuang sanggup mengorbankan nyawa demi kemenangan Islam.
- ii. Melemahkan moral dan kekuatan logistik ketenteraan. Melalui peroperasian pejuang dapat memastikan rangkaian strategik dapat dilumpuh dan dimusnahkan.
- iii. Memerudumkan dominasi terhadap ekonomi dan kewangan. Ini merupakan sumber kekuatan utama di mana keberanian para pejuang akan melambat dan melengahkan kelancaran pergerakkan musuh. Ini jelas terbukti apabila sesuatu serangan dilancarkan maka kelihatan musuh-musuh lebih berhati dalam melakukan sebarang perbuatan yang tidak diingini.

iv. Kecanggihan dan teknologi peperangan siber (*cyber war*).

Hal ini akan melahirkan pergerakan dan tindakan dalam bentuk serangan yang strategik

v. Peratusan kemenangan. Sekiranya dapat dipastikan ini adalah cara yang terbaik melalui peroperasian bagi mendominasi dan seterusnya dapat menewaskan musuh maka kemaslahatan adalah amat besar untuk Islam beroleh kemenangan.

vi. Melalui syarat piawaian yang amat ketat. Sekalipun serangan seumpama ini, dilihat harus dalam konteks pemakaian dan pelaksanaan jihad tetapi ia perlu melalui proses atau syarat yang amat ketat. (lebih ditul di dalam bab empat).

Justeru itu, dengan adanya elemen-elemen sebagaimana dijelaskan di atas, menunjukkan peroperasian OBM telah diterjemahkan sebagai suatu pendekatan yang terakhir dan cukup waspada dalam konteks pengiktibaran maslahah yang cukup untuk pemakaian dan pelaksanaan menerusi siasah syar'iyyah. Ia juga digunakan dalam situasi dan lokasi tertentu yang memerlukan kepada pengorbanan jiwa demi mencapai kemenangan bagi pihak tentera atau negara Islam.

Dengan ini tidak timbul bahawa Islam, melahirkan generasi pengganas atau Islam menaja keganasan dan seumpamanya.

Apakah suatu ketika dahulu di zaman Perang Dunia ke II, di mana juruterbang-juruterbang tentera Jepun telah melakukan operasi *kamikaze* ke atas pelabuhan *Pearl Harbour* dan kapal-kapal tentera bersekutu demi mencapai kemenangan dan melemahkan barisan perikatan telah dilabelkan sebagai pengganas?; Bahkan mereka disanjung dan dianggap wira negara sedangkan mereka bukanlah melakukan kerana agama (yakni Islam kerana Islam agama yang benar dan berkorban kerananya adalah mati syahid) tetapi hanyalah berbekalkan semangat nasionalisme sahaja.

Melalui pendekatan dan penghayatan terhadap perbincangan mengenai siasah syar'iyyah, jelas menunjukkan bahawa pemakaian dan pelaksanaan prinsip siasah keutamaan (*siasah awlawiyyah*) ini sebagai satu elemen penggerak kepada pemerintahan sesebuah negara Islam yang akan dapat menzahirkan kesejahteraan dan kerahmatan kepada rakyat. Justeru itu, negara yang mana sumber perundangannya jelas tidak berlanggar atau bertembung dengan tuntutan maqasid syarak akan memartabatkan wibawa pemerintahan.

Justeru itu, praktikaliti konsep siasah syar'iyyah yang dijanakan dalam pemerintahan sesebuah negara dapat membangkitkan kelancaran dan keutuhan yang menjamin kredibiliti, abiliti dan tahap disiplin pemerintahan terhadap pemimpin kepada mereka yang dipimpin. Maka benarlah hasil penafsiran jalinan wahyu dari Pencipta semesta alam dapat dilihat bagaimana resolusi atau natijah dari sistem pemerintahan yang berkonseptkan prinsip siasah syar'iyyah itu adalah mesra antara dua pihak.

Ini juga adalah hasil kelangsungan penghayatan terhadap norma-norma penguatkuasaan yang menekankan sistem nilai siasah syar'iyyah dalam peradaban Islam melalui proses dinamisme ijтиhad yang semasa.

Keagungan dan wibawa siasah syar'iyyah dalam ketemadunan dunia pemerintahan negara Islam telah diterima berabad lamanya dan sehingga kini, kemajuan dan kecanggihan dunia dalam pencapaian ilmu pemerintahan dan politik/siasah tidak berupaya menyangkal kehebatan prinsip ini bahkan mengiktiraf kewujudannya adalah suatu yang mandatori. Siasah syar'iyyah merupakan radar halatuju dan neraca pertimbangan bagi pemerintah atau pemimpin dalam menggariskan dominasi dan global pemerintahan yang diredhai oleh Allah Ta'ala. Selain ianya memenuhi kehendak dan tuntutan kemaslahatan masyarakat manusia sejagat.

Pendekatan siasah syar'iyyah boleh diterjemahkan sebagai suatu bentuk teori, pemikiran, ideologi, metodologi, kaedah dan piawai yang bersistem dalam disiplin ilmu serta peradaban/ketamadunan siasah atau politik yang anjal ke arah pembentukan dan pembangunan pemerintahan menerusi pengimplimentasiannya yang lahir dari jiwa hamba Allah yang mempunyai Kualiti Kerohanian Bersepadu (*Total Quality Spiritual*).

Justeru itu, siasah syar'iyyah terus akan mewarnai dan menerajui kewibawaan corak pemerintahan dalam arus perdana di alaf baru ini mengikut kesesuaian masa dan tempat mengikut lunas-lunas syarak yang

sah. Jayagalnya siasah syar'iyah dalam sistem pemerintahan negara atau kerajaan adalah tanggungjawab pemerintah melalui kebijaksanaan dan hikmah serta bagaimana ianya dilaksana dan diterjemahkan nanti terutamanya dalam urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan Operasi Berani Mati atau Serangan Pengebom Berani Mati

Adakah ianya relevan dengan bentuk perperangan atau dalam keadaan aman yang dinikmati pada hari ini atau selari dengan kehendak ruh siasah syar'iyah? Adakah semua negara Islam berhak dan membenarkan OBM ini sebagai satu mekanisme atau wadah perjuangan yang terakhir untuk mencapai maqasid syarak dan kepentingan sebuah pemerintahan Islam melalui kekuatan tenteranya dalam menewaskan lawan atau musuh? Bagaimanakah bentuk operasi jihad dalam masyarakat setempat di Malaysia dan apakah pendekatan yang terbaik? Persoalan ini akan diperkatakan dalam kesimpulan bab kelima nanti dari sudut pelaksanaan dan juga implikasinya.

3.5 Jenis dan Pembahagian OBM

Pembahagian OBM yang dilaksanakan boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu seperti berikut di bawah ini:

3.5.1. OBM (maksudnya syahid**)** dengan erti kata usaha yang sungguh-sungguh dengan mengorbankan jiwa di jalan Allah (*fī sabīlillāh*) secara langsung dengan bermaksud (tidak tersilap) menggunakan senjata sendiri berdasarkan autoriti darurat dan maslahah serta ijihad pemerintah

masa kini samada di kalangan individu mahupun berkumpulan secara terancang. Inilah yang dikatakan dan dikenali sebagai jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ*.

3.5.2 OBM (**maksudnya bunuh diri**) dengan erti kata perbuatan atau sesuatu perjuangan yang sungguh-sungguh dan bermaksud melakukannya berdasarkan semangat *patriotisme*, *nasionalisme*, *kamikazisme* dan *intiharisme* (bunuh diri) iaitu mati akibat perbuatan dan penggunaan senjata yang dimiliknya sendiri. Perbahasan ini sebagai perbandingan semata dan penulis tidak akan menghuraikannya secara lebar.

Huraiannya selanjutnya adalah seperti berikut:

Bahagian Pertama : Kategori ini, memerlukan satu huraian terperinci dan berhati-hati dalam memperkatakan tentang hukum perlaksanaan OBM. Ia merupakan suatu situasi yang memerlukan pengamatan yang global dan serius memandangkan kepada keadaan realiti dan autoriti darurat yang sedia ada sehingga mendorong perlaksanaan OBM dilaksanakan berdasarkan ijtihad dewasa ini. Golongan yang menyokong pelaksanaan OBM akan membahaskannya secara lebih terperinci.

Bahagian kedua : Perlaksanaan OBM yang diklasifikasikan *Intihar* iaitu membunuh diri.

Dalam hal ini, sebagai contoh seseorang yang memilih cara untuk membunuh diri kerana khuatir menjadi tawanan musuh atau untuk membebaskan diri dari penyiksaan yang dialami atau dijangka sukar untuk menghadapinya serta disebabkan tidak tahan lagi menanggung kesakitan dari kecederaan yang ditanggung.

Perkara ini amat jelas sekali kerana terdapat banyak hadith yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w menunjukkan bahawa hukum perbuatan mereka yang membunuh diri adalah haram. Sebagai contoh, riwayat yang diriwayatkan oleh Bukhāri dan Muslim, diriwayatkan oleh Jundub r.anhu dari nabi s.a.w yang bersabda:

قال النبي: "كان برجل جراح، فقتل نفسه. فقال الله: (بدرني عبدي بنفسه، حرمت عليه الجنة)."

Hadith ini bermaksud:

"Seorang lelaki cedera parah, lalu dia telah membunuh dirinya, maka Allah berfirman : HambaKu tidak sabar bertemu denganKu lalu membunuh dirinya, maka Aku haramkan syurga baginya".⁵⁵

Sheikh Ḥasan⁵⁶ pula menyatakan dalam kitabnya yang tidak asing bagi pencinta ilmu jihad, iaitu berkaitan dengan hadith di mana kedapatan tawanan perang muslim yang disiksa sehingga mati. Sekiranya perbuatan

⁵⁵ Lihat hadith (1364) yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Fath al-Bārī*, *Syarḥ Saḥīb al-Bukhāri*, T.T.P, Dār al-Ma’rifah, , j 3, h. 237.

⁵⁶ Sheikh Hasan Ayyūb (1983), *al-jihād wa al-Fidā’iyah*, Beyrūt: Dār al-Nadwah al-Jadidah, c 2, h. 167 .

membunuh diri itu berlaku atas dasar jangkaan mereka akan dibunuh tetapi diazab dahulu. Maka perbuatan membunuh diri dalam hal ini, sememangnya haram tetapi tidak sama dengan dosa-dosa besar bahkan kemungkinan besar ia adalah harus.

Sheikh Hasan sekali lagi menegaskan bahawa dalam hal ini, bukanlah si muslim itu yang membunuh dirinya tetapi yang membunuhnya adalah musuhnya yang menyebabkan dia bertindak demikian. Musuh yang menyiksa dan tidak pula membunuhnya, tetapi membiarkan menderita begitu sahaja. Pada akhirnya, dia menjelaskan ini adalah pendapatku dalam hal ini, disebabkan tiada nas yang membincangkan hal ini dan aku pula tidak berjumpa dengan pendapat-pendapat ulama yang lain. Bolehjadi, terdapat fatwa mengenainya tetapi aku tidak melihatnya.

Ditegaskan bahawa Sheikh Hasan cuba mengemukakan konsep *mubasshir*⁵⁷ dan *ghair mubasshir*⁵⁸ yang masyhur dalam mazhab Hanafi namun ianya tidak diguna pakai pada pandangan jumhur.

Perbincangan yang melibatkan perbuatan bunuh diri tidak akan dibincangkan secara panjang lebar kerana ianya adalah jelas dengan dalil-dalil yang kuat. Justeru itu, kesimpulannya bahawa OBM dalam bentuk

⁵⁷ Mereka yang menyebabkan kematian secara langsung. Contohnya perbuatan si polan menikam tubuh seseorang dengan pisau lalu dia pun mati.

⁵⁸ Mereka yang menyebabkan kematian secara tidak langsung. Contohnya, seseorang telah menggali lubang di tengah jalan bertujuan untuk membunuh si polan apabila terjatuh ke dalamnya. Akhirnya si polan melalui jalan tersebut dan terjatuh ke dalamnya lalu mati. Dalam mazhab Hanafi, lubang tersebut yang menyebabkannya mati dan bukan mereka yang menggali lubang ditutup sebagai pembunuh sebaliknya hanyalah penyebab (secara tidak langsung). Manakala jumhur menjelaskan si penggali lubang itulah pembunuhnya.

pelaksanaan berdasarkan kepartian, semangat kebangsaan, patriotisme dan *intiḥār* adalah perbuatan membunuh diri yang diharamkan oleh agama Islam.

3.6 Status Syahid dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan OBM atau OSPBM

Perkataan syahid digunakan di dalam al-Quran sebanyak 55 kali pada semua bentuk pecahan kata, kebanyakannya dengan maksud bahasa biasa.⁵⁹ Bahkan perkataan syahid sering digunakan dalam syair-syair Arab Jahiliah dan ia terbatas kepada maksud umum semata-mata.⁶⁰

Walau bagaimanapun, (perkataan) syahid atau *syuhada'* digunakan sebagai suatu istilah yang merangkumi konsepnya yang luas.⁶¹ Ini jelas, apabila al-Quran memperkenalkan istilah ini, erti dan konsepnya menjadi semakin meluas sebagaimana Islam meluaskan erti solat, zakat dan puasa yang biasa digunakan pada zaman Jahiliah.⁶²

Pentakrifan syahid⁶³ di kalangan sarjana Islam yang terpilih dan mengapa mereka yang melaksanakan OBM atau OSPBM dikaitkan dengan

⁵⁹ Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Muzakarah Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: YADIM, h. 7.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 7.

⁶¹ *Ibid.*, h. 9.

⁶² *Ibid.*, h. 10.

⁶³ Perkataan *syahid* ini (شَهِيدٌ) iaitu (شهزاد) atau (شَهِيدٌ), bererti malaikat, dibina atas wazan (مَيْدَنٌ) bermakna telah menyaksikan para syahid ketika ajal mereka sebagai satu penghormatan dan kemuliaan baginya.

status mati syahid?

Berdasarkan takrif yang popular dalam kitab *al-Tuhfah*, dinukilkan oleh Wan Mohamad bin Abdul Aziz adalah tiap-tiap orang yang mati ketika memerangi seorang kafir atau orang-orang kafir, matinya dengan sebab peperangan dan di dalam masa peperangan dan sampai menjadi harakatnya seumpama *harakat mazbūh* (seakan nyawa binatang yang telah disembelih) ketika selesai peperangan, maka tiap-tiap orang yang termasuk dalam takrif ini matinya tidak dimandikan dan disembahyangkan bahkan orang yang mati syahid itu dikebumikan dengan kain bajunya.⁶⁴

Justeru itu, seseorang akan dianggap syahid samada yang diperanginya kafir harbi, kafir zimmi atau orang-orang yang murtad dan sama ada mati serta merta, mati selepas pertempuran kerana luka dengan kadar ‘*harakah mazbūh*’, atau terkena senjata dari tunggangan/kenderaan.⁶⁵

Sebuah hadith yang diriwayat dari Sa’id bin Zayd ra.’anhu telah berkata:

سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول:

”من قتل دون ماله فهو شهيد، ومن قتل دون نمه فهو شهيد، ومن قتل دون دينه فهو شهيد، ومن قتل دون ماله فهو شهيد. رواه أبو داد، والنسائي، والترمذى، وأبى ماجة، وقال الترمذى : حديث حسن صحيح.“

Hadith ini bermaksud:

⁶⁴ Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Muzakarah Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, YADIM, Kuala Lumpur; h. 9.

⁶⁵ *Ibid.*, h. 10.

*"Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa yang mati pertahankan hartanya adalah syahid, sesiapa mati pertahan darahnya (dirinya) adalah syahid, sesiapa yang mati pertahankan agamanya adalah syahid dan sesiapa yang mati pertahankan ahli keluarganya adalah syahid"*⁶⁶

Merujuk kepada pentakrifan dan maksud hadith di atas, menunjukkan bahawa kaitan terhadap pelaksanaan OBM mahupun OSPBM dengan status syahid amatlah jelas sekali. Ini berdasarkan kepada realiti pelaksanaan itu, bertepatan dengan maksud perjuangan dan pengorbanan jiwa yang dilakukan oleh pendokong kedua operasi tersebut.

Mereka dikaitkan dengan mati syahid kerana beberapa perkara seperti berikut:

1. Allah dan rasulNya menjadi saksi baginya balasan syurga.
2. Dia hidup di sisi tuhanNya.
3. Malaikat Rahmat menyaksikan dan mencabut nyawanya.
4. Dia akan menyaksikan umat manusia di hari Penyaksian.
5. Dia disaksikan kepadanya dengan keimanan dan berakhir dengan kebaikan pada zahir keadaannya.
6. Kematianya itu disaksikan oleh darahnya sendiri.

⁶⁶. Dr. Yūsuf al-Qardāḥī, (1993), *al-Muntaqā min Kitab al-Tarḥīb wa al-Tarḥīb li al-Muṭzirī*, al-Mansūrah: Dār al-Wafā, j 1, h. 413.

7. Rohnya melihat syurga *al-Salām* manakala roh yang lain melihatnya hanya pada hari Akhirat.⁶⁷

Ini merupakan asas kepada hasil perjuangan dan pengorbanan OBM atau OSPBM di kalangan pejuang dan kerana itulah mereka yang mati dikaitkan dengan status syahid.

3.6.1 Syahid terbahagi kepada tiga bahagian:

- i. Syahid Akhirat iaitu orang yang mati kerana menderita sakit perut, mati terbakar, mati kerana penyakit taun, mati kerana ditimpa robohan dan lain-lain. Mereka ini, semuanya dikapan dan disembahyangkan ke atas mereka. Akan tetapi mereka akan tetap mendapat pahala syahid di akhirat.
- ii. Syahid Dunia iaitu orang yang dilaksanakan ke atasnya hukum-hakam syahid di dunia ini. Inilah syahid yang hakiki pada pandangan syarak. Mereka ini dimandi dan dikapankan bahkan ditanam dengan baju dan darahnya. Akan tetapi, kadang-kadang tiada baginya pahala di akhirat yang selayaknya untuk para syuhada jika sekiranya niatnya semasa berperang melawan kuffar tadi semata-mata untuk mendapatkan kepentingan dunia.

⁶⁷ Imām Abū Zakariyyā Yahyā bin Syarīf al-Nawawi (t.t), *Majmū' Syarīh al-Muhazzab*, Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salāfiyyah, j 1, h. 277.

iii. Syahid Dunia dan Akhirat iaitu orang yang berperang (Islam) untuk menjadikan kalimah Allah sebagai kalimah yang tertinggi, ikhlas kepada Allah dalam perjuangan, sentiasa mara tidak mundur dalam menghadapi musuh. Kategori syahid ini juga tidak dimandi dan dikapan serta dikebumikan dengan baju dan darahnya.⁶⁸

Bahkan bahagian ketiga ini, dilihat mempunyai kaitan kesyahidannya secara langsung dengan pelaksanaan OBM atau OSPBM, malah tiada sedikitpun kepentingan peribadi dunia ni di kalangan para pejuang. Malah mati syahid yang dirujuk dalam fiqh ialah syahid yang tidak dimandikan dan disembahyangkan.⁶⁹

Seterusnya pula, dipaparkan hujah-hujah mereka yang menyokong dan mengiktiraf kedua operasi tersebut adalah mati syahid. Ini adalah penting bagi mengaitkan hubungan jihad *fī sabillāh* dengan OBM dalam konteks *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* mencapai dan menepati status mati syahid.

⁶⁸ 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī (1991), *Kitāb al-Fiqh 'alā Mazāhib al-'Arba'ah*, Beyrūt: Dār al-Fikr, j 5, h. 272. 2.Haji Dusuki bin Haji Ahmad (1998), *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Percetakan Adabi Sdn. Bhd., YADIM, h. 318.

⁶⁹ Wan Mohamad bin Abdul Aziz (1986), *Muzakarah Konsep Jihad Dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: YADIM, h. 10.

3.7 Hujah-Hujah Mereka Yang Mengharuskan Pelaksanaan OBM Dan OSPBM dan Mengiktirafkannya Sebagai Mati Syahid

Mereka ini terdiri dari kalangan sarjana Islam silam dan kontemporari yang akan memperkatakan permasalahan ini. Di antaranya dalil-dalil syarak yang mengharuskan pelaksanaan OBM adalah seperti berikut:

3.7.1 Niat

Berdasarkan sebuah hadith sahih yang diriwayatkan oleh Bukhāri dan Muslim.

حدثنا عبد الله بن مسلمة بن قتيبة ، حدثنا مالك؛ عن يحيى بن سعيد، عن محمد بن ابراهيم، عن علقة بن وقاص، عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه، قال: قال: رسول الله (ص) "إذا الأعمال بالنية، وإنما لامرئ ما نوى، فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله، فهو هجرة إلى الله ورسوله، ومن كانت هجرته لدنيا يصيّبها أو أمرأة يتزوجها، فهو هجرة إلى ما هاجر إليه".

Hadith ini bermaksud :

"Sesungguhnya segala perbuatan itu bermula dengan niat, dan setiap manusia itu melakukan sesuatu perkara mengikut apa yang telah diniatkan. Sesiapa yang hijrahnya kerana Allah dan rasulNya, maka hijrah tersebut adalah kerana Allah dan rasulNya. Dan sesiapa yang hijrahnya kerana dunia dia akan memperolehinya atau hijrahnya kerana wanita yang ingin dinikahinya maka hijrahnya itu terhadap apa yang dia laluinya".⁷⁰

⁷⁰ Lihat hadis 4904 riwayat Muslim, Ima'm Zakariyyā Yahyā bin Syarf al-Nawawi (1988), *Sahih Muslim*, Beyrlit: Dār al-Ma'rifah, c 5, j 13-14, h. 56.

Hadith ini, menunjukkan bahawa setiap amalan dalam Islam itu, mestilah didahului oleh niat. Bahkan sesuatu amalan itu ditolak sekiranya niat menyeleweng dari perkara yang hak dan sekaligus tidak diterima oleh Islam. Segelintir ulama pula menegaskan bahawa antara syarat untuk sesuatu amalan itu diterima mestilah mempunyai niat dan amalan yang baik.

Justeru itu, pelaksanaan dalam apa juu bentuk amalan atau OBM oleh seseorang itu tanpa merujuk kepada niat, maka pelaksanaan tersebut akan mendapat kemurkaan Allah dan boleh menghumbangkan si pelaku ke dalam neraka.

Walau bagaimanapun, ini amat berbeza sekali, terhadap situasi yang berlaku bagi mereka yang melakukan OBM yang menunjukkan dengan jelas amalan yang dilaksanakan adalah bertitik tolak dari niat yang ikhlas kerana untuk meninggikan kalimah Allah dan menentang sekeras-kerasnya pencabulan musuh-musuh yang telah menentang demi mempertahankan agama, maruah, bangsa dan negara.

Namun begitu segala kebenaran urusan niat itu kembali kepada Allah yang Maha Mengetahui. Sebagaimana ayat di dalam al-Quran menegaskan :

الَّذِينَ ظَاهَرُوا يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا
يُقْتَلُونَ فِي سَبِيلِ الظُّلْمِ فَقَاتِلُوا أُولَئِكَ الشَّيْطَنَ إِنَّ
كَيْدَ الشَّيْطَنِ كَانَ ضَعِيفًا

(٧٦)

Surah al-Nisa' (76) : 5

Bermaksud:

"Mereka yang beriman berperang pada jalan Allah dan mereka yang kafir berperang di jalan toghut (kezaliman), maka perangilah wali-wali syaitan itu dan sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah sangatlah lemah."

Terjemahan surah al-Nisā' (76) : 5

Sesungguhnya mereka yang melaksanakan OBM ini telah mengorbankan jiwa dan raga serta kepentingan peribadi, demi menghancurkan musuh Islam dan mempertahankan maruah agama, diri dan keluarga, harta benda dan tanahair. Mereka ini mempunyai *iman al-yaqīn* (iman yang tinggi) dan taqwa untuk membeli syahadah dan syurga Allah Ta'ala. Mereka telah berjuang bersungguh-sungguh untuk mencapai pengorbanan jihad yang amat tinggi nilainya di sisi Allah. Golongan ini tidak menjadikan dunia matlamat hidup semata tetapi janya adalah jalan penyampaian ke akhirat. Ini menunjukkan OBM adalah jihad yang mutlak.

Di dalam satu hadith yang lain, juga diriwayatkan oleh Bukhāri dan Muslim iaitu:

وَعَنْ أَبِي مُوسَى، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ أَعْرَابِيَاً أَتَى النَّبِيَّ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الرَّجُلُ يَقْاتِلُ لِلْمُغْنِمِ، وَالرَّجُلُ يَقْاتِلُ لِذِكْرِ، وَالرَّجُلُ يَقْاتِلُ لِبَرِّ مَكَانِهِ؟ فَمَنْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ): مَنْ

قاتل تكون كلمة الله هي العليا، فهو في سبيل الله.

Bermaksud:

"Seorang arab Badwi telah datang menemui Rasulullah s.a.w dan berkata: "Wahai Rasulullah seorang lelaki telah berperang kerana harta rampasan, seorang lelaki berperang kerana untuk diingati jasa pengorbanannya dan seorang lelaki berperang kerana memperlihatkan kedudukannya kepada orang lain? Maka siapa yang berperang di jalan Allah? Rasulullah menjawab sesiapa yang berperang bagi meninggikan nama Allah mereka itulah yang berjuang di jalan Allah".⁷¹

Hadith ini menunjukkan seseorang lelaki yang berjuang akan dinilai oleh Allah Ta'ala terhadap niat mereka yang telah melakukan operasi jihad termasuklah OBM dan OSPBM. Imam Naṣiruddin al-Bāni⁷² pula menyatakan bahawa, mereka yang melaksanakan tindakan ini hanyalah Allah yang menentukan berdasarkan niat mereka.

Justeru itu, bagi mereka yang melakukan atas dasar balas dendam semata kerana kematian ahli keluarga dan kecewa bersendirian, riak dan seumpamanya tidak dianggap sebagai syahid.

3.7.2 Qias Kepada Perisai Manusia (*Al-Tatarrus*)

Definisi *al-tatarrus* (الترس)

Definisi dari segi bahasa iaitu pendinding yang maklum dan

⁷¹ Abū Zakariyyā Yahyā bin Syaraf al-Nawawī al-Dimasyqī (1991). *Riyāḍat al-Salihīn*, Ammān, Jordan: Al-Maktabah al-Islāmiyyah, c 2, h. 352.

⁷² *Ibid.*, h. 352.

menjadikan sesuatu itu sebagai pelindung.⁷³

Definisi dari segi istilah pula iaitu musuh yang menjadikan sekumpulan atau sekelompok manusia untuk dijadikan perisai manusia bagi melindungi diri mereka. Justeru itu, pihak yang menentang mereka berasa ragu untuk meneruskan peperangan sehingga bantuan tiba untuk menolong mereka.⁷⁴

Ianya perlu dihuraikan selanjutnya, iaitu konsep benteng manusia (*al-tatarrus*) dengan dikaitkan dengan elemen-elemen darurat agar ianya lebih jelas dan difahami sebaiknya.

Sebelum huraian konsep perisai manusia dan hubungannya dengan OBM dihuraikan dengan lebih jauh sebagai satu qias, elok sekiranya dibahaskan sejauhmanakah yang dikatakan darurat sehingga tindakan melancarkan serangan terhadap musuh, sekalipun mereka berbentengkan orang Islam iaitu *al-tatarrus*; dan sejauhmanakah yang dikatakan darurat untuk mencapai maslahah sehingga pelaksanaan OBM itu dilaksanakan?

Tahap darurat yang sering diperkatakan oleh fukaha seperti berikut di bawah ini

1. Musuh terus menyerang orang Islam bertalu-talu tanpa

73 Dr. Ibrahim Anis (1972), *al-Mu'jam al-Wasīf*, Beyrūt: Dār al-Ḥadīth, c 2, h. 84.

74 Dr. Muhammad Khir Haikal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayān, c 2, 1996, jil 2, h. 1328.

henti.⁷⁵

2. Orang Islam telah bercampur dengan pihak musuh kerana terlalu hampir antara satu sama lain sukar untuk dikenalpasti.⁷⁶

3. Sekiranya pihak Islam tidak menyerang mereka dibimbangi mereka iaitu pihak musuh dapat mengepong dan menewaskan pihak Islam yang akhirnya membawa padah dengan kematian yang ramai dan mudarat yang lebih besar.⁷⁷

4. Darurat dinilai mengikut tahapnya⁷⁸ oleh pemimpin turus tentera dan beliau seharusnya bijak mengatur strategi dan arahan. Mungkin pertempuran dapat dielakkan bagi menyelamat keadaan dan nyawa perisai manusia yang terdiri dari golongan muslimin dan seumpamanya.⁷⁹

Ini adalah beberapa tahap darurat yang dipersetujui oleh para fukaha berhubung dengan serangan pihak Islam terhadap musuh yang menjadikan

75 Ahmad bin 'Ali al-Rāzī al-Jassās (t.t), *Ahkām al-Qurān li al-Jassās*, T.T.P., Dār al-Iḥyā al-Turāth al-'Arabi, j 5, h. 274.

76 Ibrāhim bin 'Ali bin Yūsuf al-Fayrūz al-Bādī, al-Syīrāzī (t.t), *al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Syāfi'i*, Mesir: Maṭba'ah 'Isā al-Bābī al-Halabī, j 2, h. 234.

77 Muhammad bin Ḥussayn al-Farrā, al-Ḥamālī (1938), *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, al-Qāherah: Maṭba'ah al-Muṣṭafā al-Halabī, h. 27.

78 اصرورات تقدیر مقدار merupakan kaedah *fiqhīyyah* yang diguna pakai dalam konteks siasah syar'iyyah.

79 Dr. Muhammed Khir Haikāl (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beirut: Dār al-Bayāriq, c. 2, h. 1331.

orang Islam sebagai benteng atau perisai manusia. Namun beberapa tahap darurat lain yang ada hubungkait dengan OBM sebagai satu kesinambungan dan pengiktirafan piawaian am. Tahap darurat itu adalah seperti berikut di bawah ini:

1. Pelaksanaan itu dilaksanakan bagi mengelakkan kemusnahan dan kehancuran yang lebih besar kepada pihak Islam yang akhirnya akan tewas di tangan musuh. Justeru itu, pelaksanaan operasi seumpama ini, seharusnya dilaksanakan bagi mencapai sasaran musuh dan seterusnya menewaskan mereka.⁸⁰
2. Pelaksanaan tersebut dapat memberi jaluan dan membuka jalan kepada tentera untuk mara menewaskan musuh yang akhirnya beroleh kejayaan besar.
3. Sekiranya tahap darurat tidak lagi meruncing maka OBM seharusnya dihentikan bagi memelihara nyawa orang Islam tanpa ada sebab maslahah atau kebenaran syarak untuk melancarkannya.⁸¹
4. Darurat dinilai pada tahapnya oleh pemerintah turus tentera berdasarkan kebijaksanaannya.⁸²

⁸⁰ "بَنْحُلُ الظُّرُورِ الْخَاصِ لِدُفْعِ الظُّرُورِ الْأَمَّ" bermaksud meraikan darar orang awam berbanding darar perseorangan.

⁸¹ "در، المناسب أولى من حل المصائب" bermaksud apabila bertembung antara keburukan dan kebaikan maka menolak keburukan lebih baik dari mencapai kebaikan.

⁸² "الظُّرُورُ أَفْ على الرَّعْيِ سُوْطٌ بِالصَّلْوةِ" bermaksud tindakan pemerintah semestinya mempunyai kebaikan kepada rakyat sama ada perkara agama yang bersifat spiritual atau keduniaan yang bersifat kebendaan.

Fukaha telah bersepakat mewajibkan menyerang musuh yang berperisaikan manusia dari golongan Islam dalam keadaan darurat sekalipun terpaksa mengorbankan nyawa mereka yang dijadikan benteng tersebut. Namun begitu, mereka wajib dan hendaklah memastikan dua perkara⁸³ iaitu seperti berikut di bawah ini:

1. Pihak Islam seharusnya cuba menghindarkan serangan dari mengenai benteng atau perisai manusia dari menjadi mangsa sasaran.⁸⁴
2. Tidak ada maksud atau niat oleh pihak Islam untuk menyerang benteng atau perisai manusia dari menjadi mangsa sasaran mereka sekalipun sekadar terlintas di hati kecil.

Sehubungan itu, kedua-dua keadaan ini iaitu benteng manusia dan OBM dari segi pelaksaaannya adalah terikat kepada tahap darurat yang dilihat oleh pemerintah turus tentera pada ketika itu. Justeru, maksud yang sebenarnya bahawa pelaksanaan ini dilaksanakan adalah untuk membunuh musuh kafir yang menyerang atau menentang orang Islam dan bukan membunuh orang Islam bagi hal pertama iaitu (menyerang sekalipun terdapat perisai manusia Islam) dan bukan membunuh diri bagi hal yang

⁸³ Dr. Muhammad Khir Haikal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayān, c 2, j 2, h. 1402.

⁸⁴ "عَزْمٌ لَا يُعَزِّزُ" bermaksud tidak mudarat serta memudaratkan yang lain.

kedua iaitu mereka yang melaksanakan OBM.⁸⁵

Dalam hal ini, golongan muslimin yang dijadikan benteng itu tadi, merupakan satu kaedah bagi musuh untuk mencapai kemenangan bilamana menentang golongan muslimin bagi mengelakkan serangan pihak Islam dan juga merupakan strategi untuk mencapai kemenangan oleh musuh.

Justeru itu, sekalipun golongan Islam terpaksa mengorbankan bilangan muslimin yang besar iaitu (mereka yang dijadikan benteng oleh musuh itu tadi). Namun ini merupakan satu strategi musuh yang paling mencabar kredibiliti dan abiliti pemimpin turus dan tentera Islam apabila tiada lagi pilihan terbaik. Sebaliknya, mereka terpaksa membuat serangan sekalipun terpaksa mengorbankan rakan-rakan mereka demi mencapai kejayaan dan kemenangan pada saat yang cukup genting di mana sekiranya serangan dan pertempuran itu ditangguhkan atau dihentikan nescaya pihak Islam akan ditewaskan oleh musuh dan tahanan Islam tersebut akan dibunuh secara beramai-ramai.

Sebaliknya, dengan melancarkan serangan bertalu-talu tanpa henti dengan mengambil kira untuk cuba meminimakan jumlah kematian rakan-rakan yang dijadikan benteng oleh musuh tersebut.⁸⁶ Sekaligus ia dapat memberi kebaikan, peluang dan membuka jalan kepada kejayaan dalam

⁸⁵ Dr. Muhammad Khir Haikal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Sīasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayāriq, c 2, j 2, h. 1401.

⁸⁶ "الصر بذل بقدر الامكان" bermaksud keburukan ditolak sebaik mungkin.

pertempuran itu. Maka serangan tersebut lebih bersifat maslahah yang lebih besar berdasarkan autoriti darurat dan pelaksanaan perperangan itu tadi, sudah pasti menepati norma-norma perundangan siasah syar'iyyah dan mereka yang terkorban di kalangan mereka yang dijadikan benteng oleh musuh bagi mengelakkan mereka ditewaskan adalah tergolong dalam golongan orang yang mati syahid⁸⁷ sekalipun mereka itu mati akibat terkena serangan senjata rakan-rakan seperjuangan Islam sendiri yang seagama.

Sehubungan itu, mereka yang mati semasa dijadikan benteng itu, bukanlah mereka bermaksud untuk mati kerana tujuan itu dan pihak yang menyerang iaitu rakan-rakan seperjuangan mereka itu pula tidak bermaksud dan berniat untuk membunuh mereka, bahkan syarak itu datang pada dasarnya tidak memberi ruang pun, mereka yang beragama Islam membunuh sesama Islam tanpa kebenaran yang hak di sisi undang-undang Islam. Namun, peradaban siasah syar'iyyah mengharuskan sesuatu tindakan dilakukan bagi mengelakkan kebinasaan yang lebih besar⁸⁸ sekali pun terpaksa mengorbankan nyawa terutamanya dalam jihad OBM.

Dalam hal ini, sekiranya tindakan tersebut tidak dilancarkan nescaya musuh Islam dapat menewaskan pihak Islam. Demikianlah pula dalam situasi di mana pihak Islam sudah hampir mencapai kemenangan dan dapat membuka jalan yang lebih luas kepada penyebaran dakwah agama Islam,

⁸⁷ Dr. Muhammad Khir Haikâl (1996), *al-Jihâd wa al-Qitâl fî al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrût: Dâr al-Bayâiq, c 2, j 2, h. 1333.

⁸⁸ تعارض مفهوم روحى أقطنهما خررا "إذ" bermaksud apabila dua keburukan bertembung maka hendaklah memelihara kebrukan yang lebih besar dari berlaku.

maka serangan tidak dapat dielakkan dan seharusnya dilancarkan sekalipun terpaksa mengorbankan sejumlah muslimin yang telah dijadikan benteng oleh pihak musuh.

Pihak Islam pada dasarnya sudah pasti cuba mengelakkan muslimin yang dijadikan benteng itu dari menjadi sasaran serangan. Bahkan Islam tidak sekali-kali beramal dengan kaedah iaitu matlamat menghalalkan cara⁸⁹ seperti yang diperkatakan oleh Michele Vanilli dalam pengertian politiknya tetapi ia dilakukan demi kepentingan maslahah dan menolak kemusnahan serta keburukan yang lebih besar. Justeru itu, mereka yang terkorban adalah dianggap mati syahid⁹⁰ dan tidak perlu dimandikan oleh jumhur fukaha mazhab.⁹¹ Bahkan menyelamatkan agama lebih besar tahap daruratnya berbanding dengan nyawa pada penilaian jumhur.

Justeru itu, peranan siasah syar'iyyah amat besar dalam menangani OBM dan sebolehnya cuba mengelakkan pelaksanaan ini yang boleh mengakibatkan ramai tentera Islam terkorban

Namun apa yang pastinya jalah mereka dijadikan benteng oleh musuh untuk mereda atau menghindar serta menyelamatkan diri dari serangan dan hentaman pihak Islam. Maka ada di kalangan pejuang Islam

⁸⁹ "شَهِيدٌ" تُعرِّفُ الْمُسْلِمَ "bermaksud matlamat tidak menghalalkan cara.

⁹⁰ Dr. Muhammad Khir Haikal (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayāriq, c 2, j 2, h. 1333.

⁹¹ *Ibid.*, h. 1212.

itu, yang terkorban disebabkan terkena senjata golongan muslimin sendiri dan juga musuh. Bahkan ini merupakan suatu *maṣlaḥah ḥaruriyyah* yang tidak boleh di kesampingkan. Memandangkan ianya memberi impak yang besar ke atas kebangkitan Islam keseluruhannya.

Sehubungan dengan itu, terdapat pengertian yang hampir sama dengan pelaksanaan OBM iaitu jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* seperti yang dihuraikan sebelum ini. Pelaksanaan OBM adalah dilakukan dengan menggunakan senjata sendiri yang mengorbankan dirinya dengan perbuatannya sendiri secara langsung. Ia juga adalah bermaksud (ada niat) iaitu pilihan sendiri dan bukan terkena senjata orang lain atau seumpamanya. Apa yang pastinya perbuatan itu, adalah hasil tindakannya dan tidak ada unsur kedua yang melakukannya. Manakala mereka yang dijadikan benteng adalah tindakan dari pihak kedua.

Namun begitu, titik persamaan yang hampir sama yang ingin ditekan dan jelaskan di sini ialah perbuatan dan tindakan itu, datangnya dari orang Islam sendiri sekalipun dari pihak kedua tetapi ia bukan sasaran utama demi mencapai matlamat lebih besar iaitu kemenangan atau mengelakkan kehancuran dan kemudaratuan yang lebih dasyat.

Namun, dalam keadaan pelaksanaan dan tindakan OBM juga adalah demi untuk mencapai matlamat yang lebih besar iaitu untuk mendapatkan sasaran musuh yang akhirnya, membuka jalan kepada pihak Islam dan seterusnya mencapai kemenangan. Tindakan mereka sendiri telah

mendedahkan diri kepada bahaya dan mati dengan senjata sendiri secara langsung dan bukannya orang lain tetapi apa yang teramat penting kalau dilihat dan diamati kedua keadaan yang dilancarkan ini ialah untuk mencapai sasaran dan menghancurkan musuh.⁹²

Jelasnya, golongan perisai manusia Islam mati akibat terkena senjata pihak Islam yang membuat serangan dengan senjata orang Islam sendiri, manakala OBM pula mati dengan senjata mereka sendiri tetapi asasnya adalah sama iaitu mereka merupakan orang Islam yang melakukannya dengan perbuatan sendiri.

Justeru itu, sekiranya *al-tatarrus* itu, diharuskan hukumnya oleh Islam dengan asas beramal dengan amalan kaedah *fiqhiyyah* dan pemakaian siasah syar'iyyah maka OBM juga mengambil hukum keadaan yang sama. Ini bukanlah suatu perbandingan atau qias songsang (*ma'al fāriq*) kerana ianya merupakan asas yang paling hampir dalam usaha mencari noktah persamaan yang mengharuskan pemakaianya.

Sehubungan ini, Imām al-Qurtūbī⁹³ ada menukilkan di dalam kitab tafsirnya, yang mana Muhammad Ḥasan ada menyebut :

⁹² Dr. Muhammad Khir Haikāl (1996), *al-Jihād wa al-Qitāl fi al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrūt: Dār al-Bayāriq, c 2, j 2, h. 1401.

⁹³ Abū 'Abdullāh bin Ahmad al-Anṣārī, al-Qurtūbī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 1-2, h. 243.

قال : لو حلَّ رجلٌ واحدٌ على الفلاجرِل من المشركين وهو وحده؛ لم يكن بذلك
بأنس إذا كان يطمع في نجاة أو نكبة في العدو.

"Tidak mengapa seseorang Muslim itu menentang seribu musuh seorang diri sekiranya dia yakin dapat melumpuhkan musuh dan berjaya atau menghilangkan keyakinan pada musuh".

Imām al-Qurṭubī turut menegaskan satu lawan seribu itu bermakna sekiranya dia dapat melumpuhkan musuh dan mampu pula memberi jalan kemenangan lalu mati semata-mata untuk memuliakan agama Allah. Manakala perbuatan mencela kekufturan adalah suatu perkara yang sangat dipuji bahkan ini adalah jihad yang paling baik di sisi Allah berbanding martabat jihad yang lain, berdasarkan firmanNya:

﴿إِنَّ اللَّهَ أَشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لَفْسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ﴾

Surah al-Taubah (111) : 10

"Sesungguhnya Allah membeli jiwa-jiwa orang Islam yang beriman dan harta benda dengan memberi ganjaran syurga bagi mereka".

Terjemahan surah al-Taubah (111) : 10

Ahli tafsir Ibn Kathīr menyatakan banyak lagi ayat al-Quran yang menunjukkan Allah memuji golongan yang berjihad bermati-matian (menentang musuh) dalam usaha mencari keredhaan dan meninggikan agamanya.⁹⁴

⁹⁴ Muhammad bin Ismā'īl al-Amīr āl-Šan'ānī (1995), *Subul al-Salām Syarh Bulāqh al-Marām*, Beyrūt: Dār al-Ma'rīfah, j. 3-4, h 80.

Manakala Ibn ‘Abbās pula menyatakan iaitu harus seseorang pejuang itu mencelah-celah dalam suatu kumpulan yang besar sekalipun dia beranggapan akan terkorban.⁹⁵

Seterusnya, Al-Şan’āni menukilkan di dalam kitabnya *Subul al-Salām* bahawa Ibn Mas’ūd menyatakan Rasulullah bersabda yang maksudnya Allah sungguh terpegun melihat seorang lelaki yang keluar berjihad di jalan Allah seterusnya memporak perandakan keadaan musuhnya.⁹⁶

Ibn Khuwayz Mandād menjelaskan pengertian yang sama iaitu sekira seseorang lelaki itu bersendirian dan yakin menghadapi seratus orang musuh atau kumpulan askar musuh kemudian berjaya memboloskan diri adalah baik, bahkan sekalipun dia yakin akan terkorban ketika menghadapinya tetapi dia telah berjaya memporak perandakan musuh dan memberi peluang dan manfaat kepada golongan Islam juga adalah harus.⁹⁷

Dalam pada itu, beberapa ulama seperti al-Qāsim Ibn Mukhaymarah, al-Qāsim bin Muḥammad dan ‘Abdul Mālik⁹⁸ berpendapat ia adalah harus iaitu tidak mengapa seseorang lelaki itu menentang sekumpulan askar jika

⁹⁵ Abū ‘Abdullāh bin Aḥmad al-Anṣārī, al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j 1-2, h. 242.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 80.

⁹⁷ *Ibid.*, h. 242.

⁹⁸ *Ibid.*, h. 242.

ada kekuatan dan niat semata kerana Allah. Bahkan dikatakan apabila bercita untuk syahid dan niat keranaNya sudah tentu mencapai maksud sebahagian daripada mafhum firman Allah Ta'ala iaitu:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يُشْرِكُ نَفْسَهُ أَبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ



Surah al-Baqarah (207) : 2

Bermaksud :

"Dan dari kalangan manusia itu ada yang membeli nyawanya semata mencari keredhaan Allah dan Allah Maha Penyantun kepada hamba-hambanya".

Terjemahan surah al-Baqarah (207) : 2

Ini merupakan suatu gambaran yang paling hampir bagi mengaitkan keharusan pelaksanaan OBM digolongkan sebagai syahid .

Amalan atau pelaksanaan yang dilaksanakan dalam OBM amatlah wajar dibezakan dengan perbuatan bunuh diri. Ini bermakna OBM secara totalnya berbeza dengan perbuatan bunuh diri. Ia banyak diperkatakan di dalam hadith bagaimana perbuatan bunuh diri berlaku. Ianya berpunca dari mereka yang telah berputus asa untuk meneruskan kehidupan di dunia, lari dari menanggung derita yang tidak mampu dihadapi dan pelbagai lagi dengan menggunakan beberapa cara seperti penggunaan racun, jerut leher dengan menggantungkan diri, menembak kepala dan lain-lain lagi untuk melepaskan diri dari kehidupan di atas muka bumi ini. Ianya tidak menyentuh soal kepentingan agama dan jauh sekali perbuatan itu untuk

mempertahankan agama, diri, maruah keluarga, harta benda dan golongan yang lemah dari golongan wanita dan kanak-kanak.

Keadaan ini amat berbeza sekali dari OBM yang dilakukan di mana ianya adalah untuk mempertahankan agama Islam dari dicabuli dan dimomokan oleh musuh Islam. Ditegaskan inilah antara perbezaan yang membezakan perbuatan bunuh diri dengan OBM dan pelaksanaan OBM dengan menggempur pihak musuh adalah martabat yang paling tinggi dalam suasana jihad. Jelas sekali perbezaan antara keduanya apabila diperhatikan dari sudut konsep pelaksanaannya.

3.7.3 Sejarah Silam Yang Ada Titik Persamaan Dari Perspektif "Maksud" Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W Dan Para Sahabat

Merujuk kepada tafsir Qurṭubī, didapati ada riwayat yang menceritakan tentang bagaimana seorang dari golongan muslimin yang menentang musuh di mana salah seorang yang lain (orang Islam) didapati turut berada dalam golongan musuh, maka dikatakan kepadanya:

"فَقِيلَ لَهُ : إِنَّهُ قَاتَلَكَ، فَقَالَ: لَا ضَرَرَ أَنْ أَقْلِلَ وَيَفْتَحَ لِلْمُسْلِمِينَ"

Bermaksud: "*Kamu membunuhnya, maka dia menjawab: tidak mudarat, sekira aku terbunuh tetapi ia memberi peluang kemenangan kepada umat Islam*".⁹⁹

Dalam pada itu, kandungan surah al-Burūj merujuk kepada kisah Ashāb al-Ukhdūd di mana seorang remaja yang sanggup mati demi

⁹⁹ Abū 'Abdullāh bin Alīmad al-Anṣārī, al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi' li Akhār al-Qur'ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 1-2, h. 363-364.

mempertahankan aqidahnya dan masyarakat setempat. Seorang budak dengan raja kafir telah memberi panduan dan tunjuk ajar kepada raja tersebut bagaimana cara untuk membunuhnya dengan menggunakan panah dan memintanya membaca dengan nama Allah Ta'ala tuhan budak ini. Maka budak tersebut telah mati sebaik saja dipanah dengan menyebut nama Allah.¹⁰⁰

Justeru itu, rakyat jelata semua telah memeluk Islam apabila melihat pelbagai cara telah dilakukan oleh raja tersebut untuk membunuh budak itu tidak berjaya melainkan dengan menyebut nama tuhan budak iaitu Allah Ta'ala.

Sehubungan dengan peristiwa tersebut telah membawa kepada ramai rakyat jelata yang kafir telah beriman dengan tuhan budak itu. Maka sekiranya dilihat peristiwa ini, jelaslah bahawa budak itulah yang memberitahu kepada raja jalan untuk membunuhnya demi membawa lebih ramai manusia mengenal dan beriman dengan Allah. Justeru itu, pengorbanannya itu bolehlah diklasifikasikan sebagai serangan berani mati kerana mendedahkan dirinya kepada kematian yang pasti demi menarik ramai manusia beriman kepada Allah.

Ibn Taymiyyah menegaskan berdasarkan peristiwa budak tersebut, ulama yang empat telah mengharuskan tindakan seseorang muslim

¹⁰⁰ Abū 'Abdullāh bin Ahmad al-Anṣārī, al-Qurṭubī (1993), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, Beyrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 20, h. 189-193.

mengorbankan dirinya dalam kumpulan musuh sekalipun dia sedar bahawa dia mungkin dibunuh tetapi ianya memberi kesan positif kepada pihak muslimin.¹⁰¹

Mereka yang turut mempelopori pandangan ini adalah mufti negara Mesir Ahmad Al-Tayyeb dengan mengatakan serangan yang dilancarkan dalam OBM termasuk pengebom berani mati di kawasan penempatan haram umpamanya Yahudi merupakan perbuatan syahid dan merupakan salah satu martabat syahid tertinggi.¹⁰²

Dr. Yusof al-Qardawi dan Majlis Ulama Indonesia. Mereka berhujah dengan merujuk kandungan al-Quran dalam surah Yasin¹⁰³ yang mengisahkan kematian Habib bin al-Najjar yang dibunuh kerana mempertahankan aqidahnya.¹⁰⁴

Seterusnya sejarah Islam yang merakamkan kisah ‘Umayr al-Hammān seorang tentera Islam dari Bani Salamah¹⁰⁵ sedang makan

¹⁰¹ Lihat Ahmad Taqiyud-Din al-Harrani, Ibn Taymiyyah, *Majmu'ah al-Fatwa*, Beyrut: Dār al-Wafā, j 28, h 296.

¹⁰² Lihat akhbar Utusan Malaysia bertarikh 30 April 2002, kenyataan Sheikh Abdul Halim bin Abdul Kadir, Mufti Negeri Trengganu, Darul Iman.

¹⁰³ Al-Quran, Yasin, (22) : 20-27.

¹⁰⁴ Abū 'Abdullāh bin Ahmad al-Anṣārī, al-Qurtubī (1993), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān*, Beyrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j 15, h. 14-16.

¹⁰⁵ Al-Hāfiẓ ibn Ḥātim bin Ḥibbān al-Taymīmī al-Baṣīr Ibn Ḥibbān, *al-Sīrah al-Nabawiyah wa Akhbar al-Khalafah*, Beyrut: Dār al-Fikr, h. 173.

beberapa ulas tamar lalu diseru berjihad dalam peperangan Badar. Setibanya dia terus menerpa seorang diri ke dalam barisan musuh lalu gugur syahid dan direstui oleh Rasulullah s.a.w.

Begitu juga dengan peristiwa ‘Ikrimah bin Abī Jahal dan tentera seramai 400 orang yang mati syahid setelah menyerbu ke tengah pertahanan musuh yang bilangannya melebihi seratus ribu orang dan keberanian mereka menyebabkan tentera Islam telah mencapai kemenangan.¹⁰⁶

Kisah al-Barrā’ bin Mālik saudara lelaki kepada Anas bin Mālik di dalam peperangan Yamāmah menentang kumpulan Musaylamah al-Kazzāb (di zaman pemerintahan Abū Bakr al-Siddiq) yang meminta beliau di letakkan di atas perisai besi dan dijulang dengan hujung-hujung lembing oleh beberapa orang tentera. Beliau kemudiannya telah dicampakkan ke dalam benteng musuh bagi membolehkannya membuka kota untuk dimasuki oleh tentera Islam. Hal ini telah menggemparkan musuh dan akhirnya tentera Islam dapat memasuki dan memenangi peperangan itu.¹⁰⁷

Ini merupakan beberapa paparan dan kisah para sahabat sesuai dengan tuntutan peredaran masa dan tempat pada ketika itu. Bahkan tidak mustahil sekiranya mereka ini berada pada masa kini berhujah OBM adalah cara terkini yang relevan dengan jihad.

¹⁰⁶ Lihat akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 30 April 2002, kenyataan oleh Sheikh Abdul Halim bin Abdul Kadir, Mufti Negeri Trengganu Darul Iman.

¹⁰⁷ Al-Hāfiẓ ibn Ḥātim bin Ḥibbān al-Taymīmī al-Baṣīr ibn Ḥibbān, *al-Šīrah al-Nabawiyyah wa Akhbār al-Khalafā*, Beyrūt: Dār al-Fikr, h 437-438.

3.7.4 Rujukan Fatwa Dan Temubual Ekslusif Dengan Tokoh-Tokoh Sarjana Yang Melibatkan Ulama, Umara, Ahli Akademik, Rijāl Al-Siasiyyin (Ahli Politik) dan Orientalis Barat

Majlis Fatwa Kebangsaan Jordan telah mengeluarkan fatwa bermombor 2/9/3/312 perkara 3/1990 pada 7hb. Mac 1990 bersamaan 10hb Jamadil Akhir 1410H.¹⁰⁸ Ia turut didokongi dan disertai oleh beberapa tokoh sarjana Islam terkemuka dunia seperti Dr. Muhammad Abū Fāris, Dr. Ḥumām ‘Abd Rahmān al-Sa’īd, Dr. Muḥammad ‘Amrū, Dr. Muḥammad ‘Abd al-Ṣāḥib, Dr. Yāsīn al-Durāqah, Dr. ‘Abd Khalīl Abū ‘Eid, Dr. Muḥammad al-Majālī, Dr. Muḥammad Nabil Ṭāhir, Dr. Ziyab ‘Āqil, Dr. Aḥmad Naufal, Dr. Sulṭān al-Dukān, Dr. Muḥammad al-‘Uwaydah, Dr. Aḥmad al-Koufiḥī, Dr. ‘Abd Al-Munīn al-Zenet, Sulaiman al-Sa’ad, Dr. Muḥammad al-Hāj, ‘Abd Aziz Jābir, Dr. Ṣallēh al-Fattāh al-Khalīdī, Dr. Ibrāhīm al-Khuraysāt, Dr. ‘Ārif Khalīl Abū ‘Eid, Dr. Ibrāhīm Zayd al-Kīlāni, Dr. Zayb Ānis, Dr. Maḥmūd Salamah al-Hayārī, Dr. Rāhil Muḥammad al-Gharaybah, Dr. Rājīḥ al-Kurdī, ‘Abd Raḥmān al-Muṣlaq ‘Abd al-Mahdī dan Dr. Maḥmūd Ṣallēh Jābir serta Dr. Wahbah al-Zuhaylī menegaskan bahawa serangan dan tindakan OBM dan OSPBM adalah mati syahid tertinggi.

Majlis Fatwa Ulama Pakistan Peringkat Kebangsaan turut mengistiharkan fatwa yang jelas mengesahkan bahawa serangan OBM pada tahun 1968.¹⁰⁹

¹⁰⁸ Lihat Majmū'aḥ min al-Fatāwā (1996), *Iḥkām al-Amaliyyāt al-Istishādīyyah wa Rad 'alā al-Mughāṭatāt wa al-Taḥrīfāt*, Ammān, Jordan: Majmū'aḥ min al-'Ulamā, h. 97.

¹⁰⁹ Lihat Majmū'aḥ min al-Fatāwā (1996), *Iḥkām al-Amaliyyāt al-Istishādīyyah wa Rad 'alā al-Mughāṭatāt wa al-Taḥrīfāt*, Ammān, Jordan: Majmū'aḥ min al-'Ulamā, h. 98.

Rābiṭah ‘Ulamā Pales̄in (Persatuan Ulama Palestin) juga telah mengwarwarkan fatwa berhubung isu tersebut bahawa ia adalah perbuatan *amaliyyah istishadiyyah* (serangan berani mati) pada tarikh 5 Mei 2001 bersamaan 11 Safar 1422H.¹¹⁰

Rābiṭah ‘Ālam al-Islāmī yang bersidang di Mekah, Arab Saudi turut memperakui bahawa serangan OBM adalah syahid.¹¹¹

Seterusnya Jabhah ‘Ulamā al-Azhār turut mengistiharkan perbuatan atau serangan OBM adalah hukum syahid pada tahun 2001.¹¹²

Majlis Ulama Indonesia (MUI) mengeluarkan fatwa yang sama berhubung dengan OBM adalah dianggap syahid pada tahun 1996.¹¹³

Menurut al-Sheikh Ṣālīḥ ‘Abdul ‘Azīz (Menteri Wakaf, Hal Ehwāl Islām dan Dakwah, Arab Saudi) beberapa ulama terkemuka di seluruh dunia mengeluarkan fatwa mengesahkan serangan meletupkan diri dan pelakunya dianggap mati syahid.¹¹⁴

Manakala Mufti Negara Mesir Aḥmad al-Tayyeb pada tahun 1996

¹¹⁰ Lihat Majalah *Massa*, bertarikh 13-19 April 2002, Kuala Lumpur: h. 55.

¹¹¹ Temubual Penulis dengan Dr. Khālid Muḥammad ‘Abd al-Rahīm (Pengarah di Kementerian Dakwah dan Wakaf, Sudan) wakil Menteri Wakaf Sudan, bertarikh 6-8hb. April 2002.

¹¹² Lihat Majmū‘ah min al-Fatāwā (1996), *Hukm al-Amaliyyah al-Istishāliyyah wa Radd ‘alā al-Mughātilātī wa al-Tahrīfīt*, Ammān, Jordan: Majmū‘ah miin al-‘Ulamā, h. 99.

¹¹³ Lihat Majalah *Massa*, bertarikh 13-19 April 2002, Kuala Lumpur: h. 54.

¹¹⁴ Lihat akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 6 Mei 2002.

menjelaskan dalam akhbar *al-Albām* bahawa serangan OBM adalah suatu perbuatan syahid.¹¹⁵

Sayyid Muḥammad Al-Ṭanṭāwī semasa memegang jawatan Sheikh al-Azhar menjelaskan bahawa perbuatan tersebut adalah syahid. Kenyataan tersebut telah dikeluarkan pada tahun 1996.¹¹⁶

Dr Yūsuf al-Qardāwī turut mengistiharkan hukum syahid ke atas mereka yang mati melaksanakan OBM dan ia adalah sebesar-besar *jihad fi sabillillah* serta menolak keras penyamaan taraf dengan bunuh diri. Kenyataan ini juga telah dikeluarkan pada tahun 1996.¹¹⁷

Mufti negeri Trengganu Sheikh Abdul Halim dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Trengganu pada 29 April 2002 telah mengeluarkan fatwa berhubung dengan serangan berani mati adalah syahid.¹¹⁸

Kebanyakan hujah dan dalil seperti niat, konsep *al-tatarrus* (perisai manusia) dan kisah para sahabat merupakan sebahagian besar penyumbang kepada instrumen-instrumen fatwa yang diputuskan.

Bahkan temubual dengan beberapa tokoh sarjana semasa menghadiri seminar yang dianjurkan oleh The International Institute of Islamic Thought

¹¹⁵ Lihat Majalah *Massa*, bertarikh 13-19 April 2002, Kuala Lumpur; h. h. 54. 2. Lihat akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 29 April 2002.

¹¹⁶ *Ibid.*, h. 54.

¹¹⁷ *Ibid.*, h. 55.

¹¹⁸ Lihat akhbar *Utusan Malaysia* bertarikh 29 April 2002.

And Civilization (ISTAC) di bawah tajuk *International Conference on al-Ghazali's Legacy: Its Contemporary Relevance (24-27 October 2001)*, turut mengadaptasikan beberapa pendekatan hujah di atas.

Pandangan-pandangan tersebut telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tokoh dalam negara dan tokoh luar negara serta Orientalis Barat.

Dalam negara adalah seperti berikut di bawah ini:

a. OBM merupakan sesuatu pelaksanaan yang tiada tolak bandingan oleh mana-mana umat di atas muka bumi ini. Sebagai contoh, pengorbanan seorang sahabat Hanzalah ra. ‘anhu telah menyahut seruan jihad sekali pun sedang menjalinkan hubungan dengan isterinya telah pergi berjihad meninggalkan isterinya berperang bersama sahabat yang lain.

Akhirnya beliau gugur syahid dalam keadaan junub dan belum sempat mensucikan dirinya sehingga turunnya malaikat yang menyuci dan memandikannya. Begitulah penghayatan iman dan keazaman Islam yang mendalam dan tinggi di kalangan sahabat yang mencapai ketakwaan yang tinggi (*total quality spiritual* iaitu TQS). Justeru itu, pelaksanaan OBM adalah harus di kalangan para pejuang dalam menentang musuh.¹¹⁹

¹¹⁹ Brig. Jen. Dato'Hj Najmi bin Hj Ahmad sebagai Director of Armed Forces Religious Corps Directorate (KAGAT), Ministry of Defence, bertarikh 8hb. Ogos 2001.

Diantara pandangan tokoh-tokoh luar negara yang telah ditemubual adalah seperti berikut dibawah ini :

a. Pelaksanaan berani mati syahid semasa jihad menentang musuh oleh tentera muslimin adalah harus memandang tujuan jihad adalah menegakkan *kalimatullah* (agama) Allah dan mereka berkorban demi mencari keredaannya seperti firman Allah dalam surah al-Baqarah¹²⁰ tetapi tidak bersetuju dengan operasi berani mati umpamanya di kalangan rakyat Palestin kerana ia ada unsur membunuh diri dan bertentangan dengan norma-norma jihad dalam Islam kerana ia membabitkan kanak-kanak, perempuan orang tua dan seumpamanya.¹²¹

b. Bahawasanya, OBM adalah harus di kalangan tentera Islam dengan merujuk surah al-Taubah di mana manusia itu menjual nyawanya semata kerana Allah (korban) dan sekiranya ia berlaku secara individu dan melibatkan orang awam, maka itu adalah perbuatan bunuh diri serta bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.¹²²

Tokoh-tokoh Orientalis Barat yang turut ditemubual oleh penulis semasa seminar diadakan di ISTAC pada hari yang sama.

a. Bahawasanya, OBM seharusnya dilakukan oleh tentera

¹²⁰ Al-Quran, surah *al-Taubah* (111) : 10

¹²¹ Prof. Dr. Mustafa Ceric dari Reisul-ulemā, Bosnia-Herzegovina, bertarikh 24-27hb. Oktober 2001..

¹²² *Ibid.*, Prof. Abdul Hadi Palazzi dari Cultural Inst. of The Italian Islamic Comm, Italy.

Islam semasa berperang tetapi tidak bersetuju dengan operasi berani mati oleh rakyat Palestin dan ia adalah perbuatan “suicide” (bunuh diri).¹²³

b. Bahawasanya, OBM seharusnya berlaku di kalangan tentera Islam dan tidak sebarang orang kerana itu adalah “suicide” (bunuh diri) dan tidak dimaafkan.¹²⁴

Beberapa ahli panel turut ditemubual semasa berlangsungnya *The Seventh Conference of The Ministers of Endowments and Islamic Affairs* yang berlangsung dari 6 hingga 8 April 2002, Kuala Lumpur. Ahli panel tersebut adalah:

a. Bahawa sekiranya (OBM) itu, berlaku di kalangan tentera adalah tidak syak lagi ianya sah di segi syarak. Sebaliknya sekira melibatkan orang awam tanpa alasan yang hak maka ia adalah dilarang sama sekali dalam Islam.¹²⁵

b. Bahawasanya, peranan yang dimainkan oleh penyerang berani mati syahid adalah golongan yang syahid di sisi Allah kerana mereka telah dizalimi oleh rejim zionis Israel bukan sekadar tentera bahkan termasuk orang awam.

¹²³ Prof. Dr. Hans Daiber dari Johann Wolfgang Goethe, Germany, bertarikh 24-27hb. Oktober 2001.

¹²⁴ *Ibid.*, Prof. Dr. David B. Burrell dari Notre Dame, United State of America.

¹²⁵ Prof. Dato' Dr. Ismail bin Ibrahim (bekas Pengarah IKIM) sekarang beliau adalah Pengurus Majlis Fatwa Kebangsaan, bertarikh 6-8hb. April 2002.

Beberapa tokoh politik tanahair turut ditemubual semasa berlangsungnya Syarahan Perdana bertajuk *Palestin dan Kemanusiaan* di antara Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan YB Dato' Hj Fadhil bin Mohd Noor yang berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuala Lumpur bertarikh 8hb. Mei 2002. Mereka adalah:

a. Pelaksanaan serangan berani mati dan juga pengebom berani mati syahid umpamanya di kalangan rakyat Palestin yang dibangkit oleh Intifada sejak tahun 1987 itu adalah syahid kerana mereka mempertahankan diri dan memperjuangkan hak mereka di tanahair mereka iaitu Palestin.

Sekalipun pada zaman Rasulullah s.a.w tidak ada orang yang meletupkan diri seumpama ini tetapi banyak hadith mengaitkan bentuk pengorbanan diri dan tidak dipertikaikan lagi sehingga menggadaikan nyawa kerana dua perkara iaitu sama ada menang atau mati syahid dunia dan akhirat.¹²⁶

b. Ada di kalangan umat nabi Muhammad s.a.w pada hari telah berdagang atau berjual-beli dengan Allah Ta'ala sebagaimana firman Allah dalam surah al-Sâfi¹²⁷ umpamanya mereka yang melancarkan OBM sama ada di kalangan Brigade al-Aqsa, Hamas dan Intifada di Palestin dengan mengorbankan jiwa raga mereka yang masih belasan tahun termasuk beberapa pemudi demi memartabatkan maruah agama dan bangsa dalam

¹²⁶ YB Dato' Hj Fadhil bin Mohd Noor (Presiden Pas merangkap Ketua Pembangkang di Dewan Parlimen), bertarikh 8hb. Mei 2002.

¹²⁷ Al-Quran, surah al-Sâfi (10) : 28.

usaha mempertahankan diri dan sekaligus menentang kebiadapan serta kezaliman pihak zionis *la'natullāhi 'alaikum*.¹²⁸

Selain itu, turut ditemubual panel di bawah ini melalui telefon bertarikh 28. Mei 2002 di pejabat rasminya di Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Pelaksanaan serangan berani mati umpamanya di Palestin khususnya adalah jelas syahid. Ini dapat diperhatikan dengan jelas bagaimana golongan Yahudi Israel dan orang awam amat rakus dan berlaku zalim yang melampaui batasan serta mencabuli dalam banyak perkara untuk menghancurkan rakyat Palestin yang beragama Islam. Justeru sebarang bentuk dalam erti kata mempertahankan diri, keluarga, harta benda dan tanah air oleh mereka menunjukkan punca kesyahidan mereka.¹²⁹

Hasil temubual menunjukkan kebanyakannya mengambil dalil-dalil al-Quran dan sandaran pandangan ulama serta pendekatan yang sama sebagai contoh hadith mengenai Hanzalah. Ia membuktikan keberanian orang Islam dalam menyahut seruan jihad dan demi kepentingan ramai lebih daripada kepentingan peribadi. Cuma Prof. Dr. Muṣṭafā Ceric menjelaskan demi menegakkan *kalimatullah* iaitu mempertahankan agama dan mencari keredaan Allah. Manakala Prof. Dr. 'Abdul Hādi menekan manusia yang

¹²⁸ YB Tuan Guru Dato' Seri Hj Abdul Hadi Awang (Menteri Besar Terengganu, Darul Iman merangkap Naib Presiden PAS).

¹²⁹ YB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan Darul Naim merangkap Mursyidul Am PAS), bertarikh 28hb. Mei 2002.

menjual nyawanya kerana Allah pula sudah tentu syahid.

Namun begitu, Prof. Dr. Muṣṭafā Cerić, Prof. Dr. ‘Abdul Hādi, Prof. Dr. Ismail dan kedua Orientalis Barat sekali pun bersetuju OBM diharuskan namun mereka menekankan serangan tersebut tidak seharusnya melibatkan orang awam (akan dibahaskan dalam bab keempat).

Bahkan ketiga-tiga panel di kalangan ahli politik tanahair pula, tanpa ragu menjelaskan wibawa pengorbanan mereka adalah jelas sekali dengan sandaran dalil al-Quran dan al-Hadith secara mafhumnya menunjukkan kematian mereka (pelaku) adalah dianggap syahid tertinggi.

Kesemua instrumen-instrumen di atas yang menjadi hujah akan dibahas secara terperinci dalam satu ruangan lain di dalam bab keempat bersama hujah mereka yang menolak serangan berani mati dan menganggap ia adalah suatu perbuatan membnuh diri bagi memperkuatkan lagi analisis kajian.

Ditegaskan di sini, analisis yang akan dilaksanakan dalam bab keempat nanti adalah dalam bentuk satu golongan mereka yang mengharuskan pelaksanaan OBM dengan mengambilkira hujah-hujah yang diperkatakan termasuk perkara niat, *al-tatarrus* (perisai manusia) dan paparan kisah peperangan di samping instrumen fatwa yang lain. Justeru itu, hujah-hujah beserta dengan sandaran fatwa yang diputuskan merupakan autoriti penting dalam memperkuuhkan kedudukan pelaku serangan berani

mati yang dianggap sebagai mati syahid.

Sebelum itu, dijelaskan terdapat beberapa metod serangan berani mati yang dilaksanakan oleh pejuang berani.

3.8 Metod-Metod Pelaksanaan OBM Atau OSPBM

Di antara metod-metod yang diguna pakai dalam pelaksanaan OBM adalah seperti berikut di bawah:

a. Dalam hal ini, sebagai contoh seseorang (tentera) meletakkan alat peletup atau bom jangka di dalam kenderaannya atau melilitkan alat peledak di seluruh tubuhnya lalu dia pun menerobos masuk ke kawasan musuh atau dia melakonkan seakan menyerah diri kepada musuh dan apabila sudah dekat dengan sasaran atau musuh, maka dia pun meletupkan bom tersebut dengan niat untuk menghancurkan pihak musuh dengan mengorbankan nyawanya sendiri¹³⁰ bagi memberi jaluan kepada tentera Islam untuk mara, sekaligus menewaskan mereka.

b. Menerangkan sesebuah pesawat atau seumpamanya lalu menjunamkannya menepati sasaran strategik seperti yang dilakukan oleh tentera Jepun dalam Perang Dunia ke II terhadap radar pengesan, jentera pelancar roket, kem perisikan dan lain-lain untuk melemah semangat dan merendahkan moral sekaligus membinasakan logistik serta kekuatan musuh.

¹³⁰ Dr. Muhammad Khir Haikâl (1996), *al-Jihâj wa al-Qitâl fî al-Siasah al-Syar'iyyah*, Beyrût: Dâr al-Bayâriq, c 2, j 2, h. 1401.

Inilah psikologi atau perang saraf yang boleh memudaratkan elemen-elemen kekuatan tempur musuh dan memporak perandakan keyakinan serta kedudukan pihak musuh.

- c. Memandu kereta perisai atau yang seumpamanya dengan merempuh kawasan-kawasan strategik seperti kem-kem latihan musuh, kem pengangkutan dan kenderaan, kubu pertahanan, stor peluru dan makanan bagi melemahkan pertahanan serta melahirkan perasaan gerun kepada musuh.
- d. Menggunakan taktik individu atau kelompok pejuang yang mencelah-celah atau seolah berlakon ingin menyerahkan diri, lalu mereka menggunakan bom tangan atau beberapa kaedah persenjataan terkini bagi menghancurkan musuh dari jarak yang dekat terhadap sesuatu sasaran.
- e. Merempuh musuh menggunakan kapal selam atau bot laju dan seumpamanya bagi meminimakan kekuatan anggota musuh dan perancangan di laut agar serangan dari laut dapat dihindarkan.

Ini adalah beberapa paparan berhubung dengan metod-metod dilihat sering kali berpotensi dan amat relevan dengan pelaksanaan OBM. Justeru itu, metod-metod ini adalah penerangan kepada kaedah pelaksanaan yang akan dipanjangkan oleh penulis ke manakah halatuju hukum yang diterima dan hendak dibawa oleh siasah syar'iyyah nanti.

Penjelasan terhadap metod-metod ini adalah penting bagi membezakan jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* dan jihad umum dari sudut pelaksanaan dan kedudukannya dalam peradaban jihad secara menyeluruh sebagai mana yang telah dibincangkan. Ia juga memperlihatkan kepada kita, sejauhmanakah kelangsungan serangan yang dilaksanakan oleh para pejuang yang menyertai jihad *khuṣūṣ li al-khuṣūṣ* di mana tindakan mereka telah mengorbankan diri mereka dengan menggunakan senjata sendiri sebagai satu usaha yang paling terakhir tetapi dengan syarat yang amat ketat sekali.

Pelaksanaan OBM ini juga, menunjukkan bahawa perbuatan itu berpunca daripada dirinya sendiri dan bersenjatakan senjatanya. Dia juga telah melakukan serangan tersebut dengan ertikata bermaksud terhadap tindakan tersebut dan bukanlah suatu kejadian yang tidak disengajakan atau tersilap.

Ini menggambarkan seolah-olah pelaksanaan itu adalah perlakuan membunuh diri kerana kematiannya adalah disebabkan oleh senjatanya yang digunakan secara langsung telah mengorbankan dirinya sendiri. Dengan harapan supaya musuh atau sasaran yang berhampirannya binasa dan hancur, demi jihad di jalan Allah setelah memenuhi syarat-syarat tertentu (akan dibahaskan). OBM yang dilaksanakan ini, merupakan wasilah yang terakhir dalam strategi jihad bagi memberi laluan kepada para pejuang Islam dalam menentang kebangkitan mereka seterusnya menewaskan musuh Allah.

Serangan ini, lebih menjuruskan kepada maksud jihad *khusūṣ li al-khusūṣ* iaitu mereka yang terdiri dari tentera elit yang cukup terlatih atau komando atau Gerup Gerak Khas (GGK), Pasukan Payung Terjun (PARACHUTIST), Pasukan Khas Laut (PASKAL), Pasukan Khas Udara (PASKAU) dan Pasukan Dakwah Lasak (PASDAL) untuk melaksanakan misi jihad dengan mengorbankan dirinya dengan senjata sendiri setelah mendapat keizinan. Ini adalah beberapa golongan mereka yang dimaksudkan mempunyai kepakaran dan kemahiran tertentu. Semestinya di sana terdapat akujanji kerana ini melibatkan suatu perkara yang besar dalam implikasi hidupnya.

3.9 Pelaksanaan OBM atau OSPBM terbahagi kepada dua:

3.9.1 Secara Individu

Pertama iaitu pelaksanaan OBM atau OSPBM secara individu setelah dikenalpasti autoriti dan merit peribadinya serta memenuhi syarat yang diperlukan. Keadaan atau cara ini turut mengambil kira sasaran musuh yang sesuai dan hanya memadai dengan penglibatan seorang sahaja.

3.9.2 Secara Kumpulan

Keduanya iaitu pelaksanaan OBM atau OSPBM secara berkumpulan setelah dikenalpasti kapasiti dan lokasi strategik di samping piawaian yang

cukup ketat kerana implikasinya sungguh besar dan penting melibat kekuatan anggota pejuang adalah ramai dan juga sasaran musuh.